


LAPORAN TAHUNAN 2022



PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA



5-3F, Tingkat 3, Jalan Hentian 1C

Pusat Hentian Kajang, Off Jalan Reko
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan



+603-8737 4531/8739 9249



pbbm@yahoo.com



www.pbbm.org.my



ISI KANDUNGAN



| | |
|--|-----|
| PERUTUSAN YANG DIPERTUA PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA | 02 |
| MISI | 04 |
| AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI | 05 |
| LATAR BELAKANG PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA | 07 |
| KEAHLIAN BIASA – Perkara VII Peraturan 7.2 | 07 |
| KEAHLIAN GABUNGAN – Perkara VII Peraturan 7.2 | 07 |
| KEAHLIAN KEHORMAT – Perkara VII Peraturan 7.4 | 08 |
| PERLANTIKAN JAWATANKUASA – Perkara X Peraturan 11.1 | 08 |
| JAWATANKUASA TERTINGGI – Perkara XI Peraturan 11.1 | 08 |
| KEANGGOTAAN JAWATANKUASA KECIL – Perkara XI Peraturan 11.2 | 09 |
| MESYUARAT JAWATANKUASA TERTINGGI – Perkara XI Peraturan 11.5 | 09 |
| PEMEGANG AMANAH – Perkara XVI Peraturan 16.3 | 10 |
| MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 38 Dan 39 | 11 |
| JAWATANKUASA KECIL PENTADBIRAN | 12 |
| JAWATANKUASA KEWANGAN | 12 |
| JAWATANKUASA KECIL SUKAN DAN REKREASI | 13 |
| JAWATANKUASA KECIL LATIHAN | 23 |
| JAWATANKUASA KECIL KOMUNIKASI & MULTIMEDIA | 26 |
| | |
| LAPORAN KEWANGAN 2022 | |
| PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA | 27 |
| YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN | 59 |
| PBBM GLOBAL CORPORATION BHD. | 86 |
| | |
| SENARAI AHLI BIASA PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA | 117 |
| SENARAI AHLI GABUNGAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA | 118 |



5-3F, Tingkat 5, Kompleks

Pusat Hentian Kajang, 91000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan | Tel: +603 9054 8888 | www.pbbm.org.my



PERUTUSAN YANG DIPERTUA PBBM

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya diberi kesempatan untuk Persatuan menerbitkan buku Laporan Tahunan 2022. Sebagai Yang Di-Pertua saya amat bersyukur dengan prestasi Badan-badan Berkanun dalam memberikan sumbangan kepada perkembangan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM) sejak penubuhannya pada tahun 1984. Dengan mengekalkan keahlian sebanyak 92 buah organisasi keahlian biasa dan 3 buah organisasi keahlian gabungan menunjukkan sokongan yang kuat dan berterusan dalam kalangan Badan-badan Berkanun Malaysia.

PBBM terus melangkah ke hadapan apabila berjaya menganjurkan tiga program antarabangsa hasil jalinan kerjasama dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) melalui Accounting Research Institute (ARI) dengan penganjuran kursus di Turkey, London dan Arab Saudi. Harapan saya program jalinan kerjasama ini dapat diteruskan agar program ini dilaksanakan dalam kepelbagaiannya kandungan serta kumpulan sasar.

Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM) Ke- 38 dan 39 telah diadakan pada 08 Oktober 2022 bersamaan hari Sabtu bertempat di Seri Pacific Hotel. Sehubungan itu, Jawatankuasa Tertinggi ingin merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Kecil Pentadbiran Persatuan dan seluruh warga persatuan atas komitmen dan kesungguhan bagi menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan PBBM Ke-38 dan 39 yang lepas.

Pelbagai aktiviti telah dianjurkan sepanjang tahun 2022 seperti Kejohanan Golf Badan Berkanun pada 13 Mac 2022 bertempat di Amverton Cove Golf & Island Resort, Sukan Badan Berkanun Virtual Edition 2.0 (Sukanunve) pada 21-23 Jun 2022 bertempat di ESI Hub, Puchong dan Kejohanan Sukan Pantai Badan Berkanun (SUPANUN) pada 13-16 Oktober 2022 bertempat di Pantai Batu 5, Port Diskson.

Saya percaya Persatuan mampu mengorak langkah lebih jauh dan mencipta lebih banyak pencapaian pada masa hadapan, jika semua organisasi ahli berganding bahu dan bergerak bersama sebagai satu pasukan untuk sama-sama melonjakkan lagi nama PBBM. Menuju ke arah tersebut, segala aspek perlu diteliti bagi memastikan misi persatuan dapat melaksanakan program dan aktiviti pembangunan modal insan yang bersepada seperti yang dirancang, menjurus kepada pembentukan pegawai dan kakitangan badan berkanun yang berdaya saing, berdaya maju dan berkualiti.

Saya mengambil kesempatan ini memohon kepada warga PBBM untuk terus berusaha melakar kejayaan demi kejayaan di masa hadapan. Doa dan harapan saya sebagai Yang Di-Pertua semoga PBBM akan terus gemilang melalui pelbagai aktiviti dan acara setanding dengan agensi-agensi yang telah berjaya.

Akhir kata, saya bagi pihak Jawatankuasa Tertinggi Persatuan merakamkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua Ketua-Ketua agensi yang menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa kecil, ahli-ahli Persatuan dan semua anggota urusetia PBBM yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk bersama-sama berganding bahu meningkatkan kemajuan Persatuan .

Semoga setiap langkah dan titik peluh semua ahli akan akan mendapat keredhaan dan keberkatanNya. Insya Allah. Sekian,

Wabillahitaufikwalhidayah W.B.T

**YBHG. PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
Yang Dipertua
PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA**



MISI

Berusaha merapatkan dan memperkuuhkan jalinan kerjasama yang erat serta pertukaran maklumat dan kepakaran dengan bertujuan mempertingkatkan mutu perkhidmatan Badan-Badan Berkanun di Malaysia;

Melaksanakan program dan aktiviti Pembangunan Modal Insan yang bersepadu menjurus kepada pembentukan pegawai dan kakitangan yang berdaya saing, berdaya maju dan berkualiti untuk menjadikan warga kerja kelas pertama;

Mewujudkan pelbagai bentuk aktiviti sukan dan sosial supaya dapat mencungkil bakat-bakat yang boleh di ke tengahkan ke peringkat yang lebih tinggi serta mempereratkan lagi silaturrahim yang telah wujud



AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI SESI 2022-2024



YANG DIPERTUA

YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Bt. Mohd Janor
Naib Canselor Universiti Teknologi Mara



NAIB YANG DIPERTUA

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Nizom Bin Sairi
Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



SETIAUSAHA KEHORMAT

Encik Syazwan Bin Mohd
Penolong Pendaftar Kanan Universiti Teknologi MARA



BENDAHARI

Encik Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah
Ketua Pegawai Eksekutif Bank Simpanan Nasional



AHLI JAWATANKUASA

YBhg. Datuk Seri Amir Hamzah Bin Azizan
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja



AHLI JAWATANKUASA

YBhg. Datuk Sr. Hj. Kamarulzaman Bin Mat Salleh
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)



AHLI JAWATANKUASA

YBhg. Datuk Dr. Ahmad Parvez Hj Ghulam Kadir
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)



AHLI JAWATANKUASA

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)



PEMEGANG AMANAH

YBrs. Tuan Syed Hamadah Syed Othman
Lembaga Tabung Haji (TH)

PEMEGANG AMANAH

YBhg. Dr Ismail Bin Haji Parlan
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)



PEMEGANG AMANAH

YBhg. Prof. Ts. Dr Massila Kamalrudin
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)



MEWAKILI AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI



YBhg. Datuk Abu Tariq Bin Jamaluddin
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)



YBrs. Encik Mohd Khairil Bin Mohd Noor
Bank Simpanan Nasional (BSN)



YBrs. Encik Mohd Saufi Bin Awang
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)



YBrs. Encik John Riba Anak Marin
Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)



YBrs. Encik Muhammad Afhzal Abdul Rahman
Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP)



YBrs. Encik Khairul Azmir Bin Ahmad
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)



YBrs. Encik Ahmad Tarmizy Bin Mohammed
Universiti Teknologi Mara (UiTM)



YBrs. Puan Zuraifah Abd Rahim
Institut Sukan Negara (ISN)



Tpr. Affendei Samingan
Majlis Perbandaran Selayang (MPS)



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
Encik Mustaza Bin Mohamad



PEGAWAI DAN KAKITANGAN URUSETIA



EKSEKUTIF KOMUNIKASI DAN PENTADBIRAN
Puan Asmira Binti Ali



PEMBANTU TADBIR KANAN
Puan Zuridah Binti Samion



PENOLONG AKAUNTAN
Puan Nur Amida Binti Zakaria



LATAR BELAKANG

Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 pada 14 April 1984 dan Yayasan Amanah Latihan Berkanun (YALB) pula di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia yang bertujuan seperti berikut:-

1

Merapatkan dan memperkuatkannya jalinan kerjasama di antara Badan-badan Berkanun di Malaysia khususnya ahli-ahli agar dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan sejajar dengan keperluan semasa;

2

Mempertingkatkan dan menggalakkan kemajuan dalam bidang pengkhususan pentadbiran, pengurusan dan latihan. Untuk tujuan ini Yayasan Amanah Latihan Berkanun diwujudkan bagi membantu dan menyelenggarakan kursus-kursus jangka pendek, seminar, bengkel, syarahan dan lain-lain media latihan serta pelajaran dalam semua bidang pengurusan;

3

Yayasan Amanah Latihan Berkanun hendaklah diurus dan ditadbirkan oleh Jawatankuasa Persatuan Badan Berkanun Malaysia yang dilantik dibawah "perkara XI Perlembagaan dan Peraturan-Peraturan Persatuan Badan Berkanun Malaysia".

KEAHLIAN BIASA

– Perkara VII Peraturan 7.2

Badan Berkanun dan Perbadanan Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Undang-undang yang berkuatkuasa boleh memohon menjadi ahli dengan permohonan untuk menjadi Ahli Biasa dan dihantar kepada Setiausaha dan kepada Jawatankuasa untuk mendapat kelulusan. Ahli Biasa hendaklah diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai lain yang dilantik olehnya secara bertulis dari masa ke semasa.

KEAHLIAN GABUNGAN

– Perkara VII Peraturan 7.2

Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya membenarkan mana-mana Badan Berkanun yang ditubuhkan, syarikat atau pertubuhan untuk turut menjadi Ahli Gabungan Persatuan mengikut syarat-syarat yang sesuai. Ahli Gabungan berhak menerima faedah daripada Persatuan dan juga turut serta dalam kegiatan atau aktiviti yang dilakukan oleh Persatuan, tetapi Ahli Gabungan tidaklah mempunyai hak mengundi dalam hal ehwal Persatuan. Sehingga tahun 2022, ahli gabungan adalah sebanyak 3 organisasi iaitu:

1. Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM)
2. Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA)
3. TH Travel & Services (THTS)

KEAHLIAN KEHORMAT

– *Perkara VII Peraturan 7.4*

Ahli Jawatankuasa Persatuan berhak memilih mana-mana organisasi untuk melantik Ahli Kehormat. Ahli kehormat tidak perlu menjelaskan yuran masuk bayaran atau yuran tahunan dan tiada hak bersuara dalam hal ehwal Persatuan dan tidak bertanggungan atas hutang Persatuan. Sehingga kini, tiada lantikan yang dibuat untuk jawatan ini.

PERLANTIKAN JAWATANKUASA

– *Perkara X Peraturan 11.1*

Ahli-ahli Jawatankuasa akan dipilih (kecuali Setiausaha Kehormat) yang dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh Ahli-ahli Biasa dalam Mesyuarat Agung dan dilantik untuk memegang jawatan selama tempoh dua tahun. Jawatankuasa yang dipilih adalah bertanggung jawab ke atas semua pentadbiran hal ehwal Persatuan. Jawatankuasa lengkap hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut :

1. Yang Dipertua
2. Naib Yang Dipertua
3. Bendahari
4. Setiausaha Kehormat
5. Enam orang Ahli Jawatankuasa Biasa

JAWATANKUASA TERTINGGI

– *Perkara XI Peraturan 11.1*

Ahli Jawatankuasa akan dipilih (kecuali Setiausaha Kehormat) secara mengundi oleh ahli-ahli biasa dalam Mesyuarat Agung untuk memegang jawatan selama tempoh 2 tahun. Jawatankuasa yang dipilih untuk bertanggungjawab ke atas semua pentadbiran hal ehwal Persatuan.

Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk membuat sebarang peraturan atau kaedah mengenai pentadbiran atau perjalanan Persatuan dan Yayasan.

Jawatankuasa boleh mengikut budi bicaranya menggabungkan Persatuan dengan Pertubuhan-pertubuhan lain mengikut syarat-syarat yang difikirkan sesuai.

KEANGGOTAAN JAWATANKUASA KECIL – **Perkara XI Peraturan 11.2**

Jawatankuasa Tertinggi mempunyai kuasa untuk membentuk Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil yang tidak melebihi 8 Jawatankuasa dan menyerahkan mana-mana tugas dan tanggungjawab yang tertentu. Ahli Jawatankuasa Tertinggi hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kecil tersebut.

Jawantankuasa Tertinggi telah menyusun semua aktiviti atas portfolio Jawatankuasa Kecil di bawah yang akan dipengerusikan setiap Ahli Jawatankuasa Tertinggi sedia ada bagi memastikan persatuan terus relevan di masa-masa akan datang;

| Bil | Jawatankuasa | Peneraju |
|------|---|---------------|
| I | Jawatankuasa Kecil Pentadbiran | UiTM |
| II | Jawatankuasa Kecil Kewangan | BSN |
| III | Jawatankuasa Kecil Sukan dan Rekreasi | UiTM/ISN |
| IV | Jawatankuasa Kecil Latihan (YALB) | MPOB |
| V | Jawatankuasa Kecil Kesenian & Kebudayaan | DBKL |
| VI | Jawatankuasa Kecil Kebajikan Dan Khidmat Masyarakat | PERKESO & MPS |
| VII | Jawatankuasa Kecil Komunikasi & Multimedia | KWSP |
| VIII | Jawatankuasa Kecil Perniagaan & PGC | LHDNM |

MESUARAT JAWATANKUASA TERTINGGI – **Perkara XI Peraturan 11.5**

Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi bagi penggal 2020-2022 telah diadakan sebanyak tiga kali. Yang Dipertua merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Pentadbiran dan Urusetia PBBM di atas usaha pelaksanaan mesyuarat .

Berikut merupakan perincian perjalanan mesyuarat sepanjang tahun 2022 :

| Bil. | Rujukan Mesyuarat | Tarikh | Tempat |
|------|--------------------------------|-----------------|--|
| 1. | Mesyuarat JKT Bil. 3/2020-2022 | 15 Julai 2022 | Bilik Mesyuarat LPU Aras 7, Bangunan Canseleri UiTM Shah Alam, Selangor. |
| 2. | Mesyuarat JKT Bil. 2/2020-2022 | 06 Januari 2022 | Bilik Mesyuarat Sidang UiTM Shah Alam Selangor |
| 3. | Mesyuarat JKT Bil. 1/2020-2022 | 9 November 2021 | |

PEMEGANG AMANAH

– Perkara XVI Peraturan 16.3

Pemegang Amanah tidak boleh mengeluarkan atau memindah milik sebarang harta benda Persatuan tanpa persetujuan dan kuasa Mesyuarat Agung. Pemegang Amanah yang telah dilantik adalah seperti berikut:

| BIL | PEMEGANG AMANAH | WAKIL |
|-----|---|--|
| I | YBrs. Tuan Syed Hamadah B. Syed Othman | Lembaga Tabung Haji (LTH) |
| II | YBhg. Prof. Ts. Dr. Massilla Bt. Kamalrudin | Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) |
| III | YBhg. Dr. Ismail B. Parlan | Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) |

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PBBM KE 38 DAN KE 39

Mesyuarat Agung Tahunan Ke 38 dan 39 Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM) telah diadakan pada 08 Oktober 2022 bersamaan hari Sabtu bertempat di Seri Pacific Hotel.

Mesyuarat Agung pada tahun ini digabungkan dua tahun berturut-turut kerana memandangkan Mesyuarat Agung yang ke 38 (2021) terpaksa ditangguhkan kerana negara pada ketika itu negara dilanda wabak pandemik COVID-19.

Mesyuarat Agung Tahunan ini telah dipengerusikan oleh Yang Dipertua PBBM Prof Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, turut sama Encik John Riba Marin (PERKESO) selaku Wakil Ganti Naib YDP, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Nizom Sairi (LHDNM) selaku Bendahari, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi, Ketua-Ketua & Wakil Agensi / Ahli serta semua Ahli Mesyuarat yang hadir. Mesyuarat Agung Tahunan pada tahun ini menyaksikan pemilihan AJKT Tertinggi yang baru bagi sesi 2022-2024.

Ucapan penghargaan dan kesyukuran Datuk YDP kepada semua AJK Tertinggi, Ahli Jawatankuasa Kecil Kewangan (LHDNM), Ahli Jawatankuasa Kecil Sukan & Rekreasi (UiTM & ISN), Ahli Jawatankuasa Kecil Komunikasi & Multimedia (Perkeso), Jawatankuasa Kecil Kebudayaan & Kesenian (MBSJ), Jawatankuasa Kecil Perniagaan & PGC (KWSP), Jawatankuasa Kecil Latihan / Yayasan Amanah Latihan Berkanun (TH) & Jawatankuasa Kecil Kebajikan & Kemasyarakatan (DBKL & BSN) dan Ketua – Ketua Agensi dan semua agensi / ahli persatuan kerana telah memberi sokongan & kerjasama bagi persatuan melaksanakan aktiviti dengan jayanya sepanjang tahun 2020 dan 2021.



JAWATANKUASA KECIL PENTADBIRAN

Pengerusi : Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Tahun 2022 merekodkan sebanyak 92 agensi keahlian biasa dan 3 agensi ahli gabungan.

Urusetia Persatuan Badan Berkanun Malaysia diketuai Encik Mustaza Mohamad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dibantu seorang Eksekutif Pentadbiran/Komunikasi, seorang Pembantu Tadbir Kanan dan turut dibantu oleh seorang Pembantu Akauntan Bagi mengoptimumkan pegawai Urusetia juga mengurus tadbir PBBM Global Corporation (PGC) dan Yayasan Amanah Latihan Berkanun (YALB).

JAWATANKUASA KEWANGAN

Pengerusi : Bank Simpanan Nasional (BSN)

Pendapatan utama Persatuan adalah yuran tahunan, penganjuran sukan, manakala pelaksanaan kursus atau program latihan dalam negara dan luar negara melalui akaun Yayasan Amanah Latihan Berkanun (YALB). Ringkasan pendapatan dan perbelanjaan adalah seperti berikut:

| KETERANGAN | PENDAPATAN | PERBELANJAAN | LEBIHAN/ (KURANGAN) SELEPAS CUKAI |
|------------|-----------------|-----------------|---|
| PBBM | RM 701,138.00 | RM 649,545.00 | RM 51,593.00 |
| YALB | RM 2,292,404.00 | RM 2,104,353.00 | RM 188,051.00 |
| PGC | RM 7,579.00 | RM 7,461.00 | RM 118.00 |

i) Akaun Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM)

Tahun 2022, Akaun PBBM telah merekodkan pendapatan berjumlah RM 701,138.00 berbanding RM 453,771.00 tahun sebelumnya (2021). Hasil peningkatan pendapatan pada tahun 2022 adalah penganjuran semula aktiviti-aktiviti persatuan seperti Kejohanan Sukan Pantai yang diadakan di Port Dickson (SUPANUN 2022), pelaksanaan julung kalinya diadakan iaitu Kejohanan Golf Badan Berkanun Tahun 2022 di Kelab Golf Amverton, Pulau Carey, Klang dan juga penganjuran sukan “e-sport” atau SUKANUN V.E yang diadakan secara fizikal di E Sport Integrated, Puchong. Lain-lain pendapatan adalah hasil faedah aktiviti Pelaburan Simpanan Tetap.

ii) Akaun Yayasan Amanah Latihan Berkanun (YALB)

Yayasan merekodkan pendapatan sebanyak RM 2,292,404.00 berbanding RM 38,380.00 pada tahun 2021. Peningkatan positif ini adalah disebabkan penjanaan semula aktiviti Program Kursus atau Latihan dalam dan luar negara dapat dilaksanakan. Sambutan yang amat baik daripada ahli-ahli PBBM, dengan menghantar penyertaan Kursus Dalam dan Luar Negara harap dapat diteruskan pada masa hadapan. Dengan pelaksanaan program latihan luar negara atau program berteraskan kepimpinan / “leadership” juga, sedikit sebanyak memberi impak kepada penjanaan modal insan setiap agensi atau ahli PBBM pada tahun 2022. Lain-lain pendapatan adalah hasil faedah atas Simpanan Tetap.

iii) Akaun Perniagaan (PGC)

Akaun PGC tidak mencatatkan sebarang pendapatan kerana akaun tersebut masih kekal didormankan. Hasil pendapatan PGC tahun 2022 direkodkan adalah daripada faedah atas simpanan tetap iaitu berjumlah RM 7,579.00.

JAWATANKUASA KECIL SUKAN DAN REKREASI

Pengerusi : Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Institut Sukan Negara (ISN)

KEJOHANAN GOLF PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA

Kejohanan Golf Persatuan Badan Berkanun Malaysia telah diadakan pada 13 Mac 2022 bertempat di Amverton Cove Golf & Island Resort Pulau Carey telah lancar dan jayanya.

Perincian Kejohanan adalah seperti berikut :

| BIL | PERKARA | JUMLAH |
|-----|--------------------------------------|------------|
| 1. | Penyertaan Agensi dari kalangan PBBM | 23 |
| 2. | Jumlah Pemain (inc. VIP) | 136 golfer |
| 3. | Jumlah “flight” | 34 |
| 4. | Jumlah Urusetia JSR | 15 pax |

| BIL | AGENSI | PENYERTAAN (#pax) | VIP (#pax) |
|---------------------------|--|----------------------|---------------|
| 1 | Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) | 8 | 0 |
| 2 | Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) | 5 | 0 |
| 3 | Perbadanan Putrajaya (PPj) | 8 | 0 |
| 4 | Universiti Putra Malaysia (UPM) | 8 | 2 |
| 5 | Bank Simpanan Nasional (BSN) | 8 | 1 |
| 6 | Majlis Perbandaran Selayang (MPS) | 8 | 2 |
| 7 | Universiti Teknologi Mara (UiTM) | 8 | 1 |
| 8 | Lembaga Tabung Haji (LTH) | 4 | 0 |
| 9 | Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) | 4 | 1 |
| 10 | Universiti Malaysia Terengganu (UMT) | 4 | 0 |
| 11 | Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) | 4 | 0 |
| 12 | Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) | 4 | 2 |
| 13 | Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) | 4 | 2 |
| 14 | Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) | 4 | 1 |
| 15 | Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) | 4 | 1 |
| 16 | Institut Sukan Negara (ISN) | 2 | 1 |
| 17 | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) | 4 | 0 |
| 18 | Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) | 4 | 2 |
| 19 | Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) | 8 | 2 |
| 20 | Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) | 4 | 2 |
| 21 | Majlis Perbandaran Klang (MPK) | 4 | 0 |
| 22 | Universiti Malaysia Pahang (UMP) | 4 | 0 |
| 23 | Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) | 0 | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 115 | 21 |





KEPUTUSAN RASMI KATEGORI NOVELTY



A

HOLE IN ONE

| BIL | NAMA | AGENSI | KEPUTUSAN |
|-----|-----------------|--------|-----------|
| 1 | ROSLI BIN MAJID | MPKS | HOLE 17 |

B

NOVELTY (LONGEST DRIVE)

| BIL | NAMA | AGENSI | KEPUTUSAN |
|-----|-----------------------------|--------|-------------------|
| 1 | M. SHAHRUL HAKIM MAH HASSAN | BSN | 252.7 M (HOLE 8) |
| 2 | DR. AZLAN KAMAL | UiTM | 223.3 M (HOLE 10) |

C

NOVELTY (NEAREST TO LINE)

| BIL | NAMA | AGENSI | KEPUTUSAN |
|-----|-----------------------------|--------|-------------------|
| 1 | MOHD AKHIRULIZAM MOHD RAMLI | MBSA | 10 CM (HOLE 1) |
| 2 | WAN HUSNI MUBARAK AB RAHMAN | KEJORA | ON LINE (HOLE 16) |

D

NOVELTY (NEAREST TO PIN)

| BIL | NAMA | AGENSI | KEPUTUSAN |
|-----|--------------------------|--------|-------------------------|
| 1 | ABU QASIM MOHAMAD SALLEH | MPK | 5 FEET (HOLE 7) |
| 2 | ABU SUFFIAN MOKHTAR | UMP | 2 FEET 8 INCH (HOLE 17) |

Keputusan Rasmi Kategori Vip

Menggunakan system stableford point, system 36



| BIL | NAMA | AGENSI | JUMLAH | +/- |
|-----|-----------------------------|--------|--------|-----|
| 1 | ABU TARIQ JAMALUDDIN | LHDNM | 37 | +6 |
| 2 | JAY KHAIRIL JEREMY ABDULLAH | BSN | 37 | +11 |
| 3 | DATUK HAJAM LAJAH ALAM | LHDNM | 36 | +7 |
| 4 | PROF. DR. FADZLI ADAM | UNISZA | 36 | +9 |
| 5 | ABDULLAH WAHAB HASHIM | UKM | 36 | +12 |
| 6 | DR. ZULKIFLI AMAT | UKM | 36 | +12 |
| 7 | DATUK TPr SULAIMAN MOHAMED | DBKL | 36 | +14 |
| 8 | DATO' DR. RAHMAT MOHAMAD | ISN | 36 | +17 |
| 9 | AMIN ISMAIL | UPM | 36 | +19 |
| 10 | KHANAFI NGARIDI | KWSP | 36 | +23 |

Keputusan Rasmi Kategori Individu
Menggunakan strokeplay nett score, system 36



| BIL | NAMA | AGENSI | JUMLAH | +/- |
|-----|-----------------------------------|--------|--------|-----|
| 1 | MOHD RADZI HUSSIN | DBKL | 68 | +5 |
| 2 | HASNOR HARITH | MPK | 68 | +8 |
| 3 | NORHISAM HUSSAIN | MBPJ | 69 | PAR |
| 4 | DR. AZLAN KAMAL | UiTM | 69 | +3 |
| 5 | PROF. MADYA DR. ARUAN EFENDY | UiTM | 69 | +4 |
| 6 | ROSLI MAJID | MPKS | 69 | +6 |
| 7 | MUHAMMAD SHAHRUL HAKIM MAH HASSAN | BSN | 70 | +2 |
| 8 | MOHD RIDZAL MOKHTAR | UPM | 70 | +3 |
| 9 | MOHD AZHAR MD YUSOF | MPS | 70 | +4 |
| 10 | MUHAMAD AL FIDAUS MOHD SHAFIE | LPPSA | 70 | +4 |
| 11 | MOHD HISHAMUDDIN ABDULLAH | BSN | 70 | +6 |
| 12 | MOHD AKHIRULNIZAM MOHD RAMLI | MBSA | 70 | +6 |
| 13 | MUHAMAD ARIFFZULFITRI ABU KASSIM | UIAM | 70 | +7 |
| 14 | ROZAIDI JAAFAR | KWSP | 70 | +9 |
| 15 | RAFAE ZAINAL | MPKS | 70 | +10 |
| 16 | ZULKIFLI MUHAMAD | DBKL | 70 | +10 |
| 17 | ZUHAIMI MOHD SAID | DBKL | 70 | +10 |
| 18 | ABU SUFFIAN MOKHTAR | UMP | 70 | +11 |
| 19 | ABU QASIM MOHAMAD SALLEH | MPK | 70 | +12 |
| 20 | AZERAI RAHMAN | UiTM | 71 | +4 |

Keputusan Rasmi Kategori Berpasukan
Menggunakan strokeplay gross score, system 36



| NO. | BIL. | NAMA | JUMLAH |
|--------------------|--------|-----------------------------------|--------|
| 1 | UiTM A | | |
| | 1 | JALALUDIN HUSSAIN | 78 |
| | 2 | PROF. MADYA DR. ARUAN EFENDY | 76 |
| | 3 | DR. AZLAN KAMAL | 75 |
| | 4 | AZERAI ALI RAHMAN | 76 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 305 |
| NO. | BIL. | NAMA | JUMLAH |
| 2 | BSN A | | |
| | 1 | AZLAN BAKAR | 81 |
| | 2 | MUHAMMAD SHAHRUL HAKIM MAH HASSAN | 74 |
| | 3 | MOHD FIRDAUS CHE MOHD SABRI | 80 |
| | 4 | MOHD HISHAMUDDIN ABDULLAH | 78 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 313 |
| NO. | BIL. | NAMA | JUMLAH |
| 3 | MPS A | | |
| | 1 | ASZZWIR MOHD SABIRUDDIN | 85 |
| | 2 | MOHD AZHAR MD YUSOF | 76 |
| | 3 | HAFIZAN KHAMIS | 77 |
| | 4 | MOHD ZIKRY ZULKIFLE | 84 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 322 |



| NO. | BIL. | NAMA | JUMLAH |
|-----|---------------|---------------------------|------------|
| 4 | MBPJ A | WONG SWEE SANG | 86 |
| | | ZAIN AZLY ABDUL RAHMAN | 81 |
| | | NORHISAM HUSSAIN | 72 |
| | | AWALLUDIN ABD. HAMID | 84 |
| | | JUMLAH KESELURUHAN | 323 |

| NO. | BIL. | NAMA | JUMLAH |
|-----|--------------|---------------------------|------------|
| 5 | UPM A | ZAILANI KHUZAIMAH | 80 |
| | | MOHD RIDZAL MOKHTAR | 75 |
| | | HANAN HASAN | 84 |
| | | MOHD NASIR MUHAMAD MAT | 86 |
| | | JUMLAH KESELURUHAN | 325 |

YDP mengucapkan penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Tertinggi PBBM, Ketua-ketua dan wakil-wakil agensi serta semua golfers yang mengambil bahagian. Ucapan syabas dan tahniah kepada para pemenang.

YDP juga merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada Jawatankuasa Pengelola (Universiti Teknologi Mara dan Institut Sukan Negara) di atas kecemerlangan pengelolaan pada kali ini dan pihak pengurusan Kelab Golf Amverton dan Island Resort di atas sumbangan dan kemudahan yang disediakan kerana dapat megendalikan kejohanan dengan lancar dan teratur. Harapan beliau agar kejohanan ini terus diperkasa dan diharapkan penglibatan agensi/ahli meningkat serta dapat memberikan sokongan padu kepada semua aktiviti PBBM di masa hadapan.

SUKAN BADAN BERKANUN VIRTUAL EDITION 2.0 (SUKANUNVE) 2022

Sukan Badan Berkanun Virtual Edition atau lebih dikenali sebagai SUKANUN VE 2022 merupakan kejohanan sukan yang kali kedua diadakan oleh Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM). Kejohanan ini diadakan kerana dua sukan utama PBBM iaitu SUKANUN dan SUPANUN tidak dapat diadakan sebelum ini (tahun 2020) akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara disamping tujuan utama penganjuran bagi merapatkan hubungan antara semua agensi yang menganggotai PBBM. Kejohanan kali ini merupakan penganjuran bersama dari JK Sukan dan Rekreasi Persatuan Badan Berkanun Malaysia dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Institut Sukan Negara (ISN) .

SUKANUN VE 2022 telah diadakan pada 21-23 Jun 2022 melibatkan 33 agensi yang bertanding dengan penyertaan lebih kurang 600 orang peserta. Sebanyak tiga acara sukan yang dipertandingkan iaitu Mobile Legend, PUBG dan FIFA 2022.



**PENYERTAAN AGENSI
KARNIVAL SUKANUN VIRTUAL EDITION
(SUKANUNVE) 2022**

| AGENSI | |
|--------|---|
| 1 | BANK SIMPANAN NASIONAL |
| 2 | INSTITUT KOPERASI MALAYSIA |
| 3 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA |
| 4 | INSTITUT SUKAN NEGARA |
| 5 | KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA |
| 6 | LEMBAGA GETAH MALAYSIA |
| 7 | LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA |
| 8 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA |
| 9 | LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN |
| 10 | LEMBAGA PELABUHAN KELANG |
| 11 | LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI DAN PEMBINAAN MALAYSIA |
| 12 | LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI |
| 13 | LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM |
| 14 | LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA |
| 15 | LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA |
| 16 | LEMBAGA URUS AIR SELANGOR |
| 17 | MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN |
| 18 | MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA |
| 19 | MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM |
| 20 | MAJLIS PERBANDARAN KLANG |
| 21 | MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR |
| 22 | PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR |
| 23 | PERBADANAN LABUAN |
| 24 | PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL |
| 25 | PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA |
| 26 | SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA |
| 27 | TABUNG HAJI TRAVEL AND SERVICES SDN BHD |
| 28 | UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA |
| 29 | UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA |
| 30 | UNIVERSITI MALAYA |
| 31 | UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA |
| 32 | UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA |
| 33 | UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA |

Majlis Perasmian Penutup Sukan Badan Berkanun Virtual Edition (SUKANUNVE 2022)

Majlis telah diadakan pada 23 Jun 2022 jam 5.30 petang dengan kehadiran wakil Ahli Jawatankuasa Tertinggi PBBM, Ahli Jawatankuasa Sukan dan Rekreasi PBBM, Wakil dari penaja bersama dan juga wakil-wakil dari agensi-agensi yang bertanding.

Perasmian telah disempurnakan oleh Encik Ahmad Tarmizy bin Mohammed Pengarah Pusat Sukan UiTM menggantikan Encik Ahmad Faedzal Bin Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Sukan Negara (ISN) merangkap Penggerusi bersama Jawatankuasa Kecil Sukan Dan Rekreasi PBBM yang tidak dapat hadir atas sebab yang tidak dapat dielakkan.



PUNGUTAN PINGAT MENGIKUT SUKAN KARNIVAL SUKAN BADAN BERKANUN VIRTUAL EDITION 2022 (SUKANUNVE 2022)

| BIL | SUKAN | JOHAN | NAIB JOHAN | KETIGA |
|-----|-------------|---------|------------|---------------------|
| 1. | FIFA 21 | LHDNM A | LHDNM C | CIDB B |
| 2. | MLBB | PPUM A | LHDNM B | PKNS A & MP KLANG B |
| 3. | PUBG MOBILE | FELDA B | MBSA A | UKM B |

PENYAMPAIAN HADIAH

Mewakili Ahli Jawatankuasa Tertinggi PBBM, Encik John Riba Marin, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) dari Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menyempurnakan penyampaian hadiah. Tahniah diucapkan kepada Juara Keseluruhan iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan juga kepada agensi yang menjadi juara bagi tiga acara yang di pertandingkan.



Mewakili pihak Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM) dan sekretariat SUKANUNVE 2022, mengucapkan terima kasih kepada semua 33 agensi yang bertanding melibatkan jumlah penyertaan seramai 600 orang peserta. Juga kepada para penyumbang.

Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (TOURISM)
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
TH Travels & Services Sdn Bhd (THTS)
Institut Sukan Negara (ISN)
Majlis Sukan Negara Malaysia (MSNM)
Caps Lock iT Technology

Semoga penganjuran Kejohanan SUKANUNVE yang kali kedua diadakan ini diharap masih dapat mencapai objektif untuk memastikan semua agensi yang menganggotai PBBM dapat mengekalkan hubungan silaturrahim di antara agensi-agensi yang bertanding.



KEJOHANAN SUKAN PANTAI BADAN BERKANUN (SUPANUN)

Kejohanan Sukan Pantai Badan Berkanun (SUPANUN) 2022 telah diadakan pada 13-16 Oktober 2022 melibatkan 30 agensi yang bertanding dengan penyertaan lebih kurang 900 orang peserta. Sebanyak enam acara sukan yang dipertandingkan iaitu:

| Bil | Sukan | Kategori / Acara |
|-----|-------------|---------------------------------|
| 1 | Bola Sepak | Lelaki |
| 2 | Bola Jaring | Wanita |
| 3 | Tarik Tali | Lelaki & Wanita |
| 4 | Sepaktakraw | Lelaki Terbuka & Lelaki Veteran |
| 5 | Bola Tampar | Lelaki & Wanita |
| 6 | Petanque | Lelaki & Wanita |

Majlis Perasmian Penutup Dan Penyampaian Hadiah Kejohanan Sukan Pantai Sukan Badan Berkanun (SUPANUN) 2022

Majlis telah diadakan pada 16 Oktober 2022 jam 4.30 petang dengan kehadiran YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia merangkap Naib Yang Dipertua Persatuan Badan Berkanun Malaysia, YBhg. Datuk Seri Hj. Mahadi Bin Che Ngah, Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merangkap Ahli Jawatankuasa Tertinggi PBBM, wakil – wakil Ahli Jawatankuasa Tertinggi PBBM, Ahli Jawatankuasa Sukan dan Rekreasi PBBM , dan juga wakil-wakil dari agensi-agensi yang bertanding.

Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Nizom bin Sairi, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia merangkap Naib Yang Dipertua Persatuan Badan Berkanun menggantikan Yang Dipertua PBBM, YBhg. Prof Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor yang tidak dapat hadir atas sebab yang tidak dapat dielakkan.



Tahniah diucapkan kepada Juara Keseluruhan iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA). Tempat kedua Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan ketiga Universiti Teknologi Mara (UiTM) . Untuk agensi-agensi lain yang bertanding, tahniah dan terima kasih kerana memberi sokongan dengan menghantar penyertaan untuk Kejohanan ini.



PASUKAN MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

Mewakili pihak Persatuan Badan Berkanun Malaysia (PBBM) dan sekretariat SUPANUN 2022, mengucapkan terima kasih kepada semua 30 agensi yang bertanding melibatkan jumlah penyertaan seramai 900 orang peserta. Juga amat berterima kasih atas sumbangan serta sokongan.

Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Institut Sukan Negara (ISN)
Politeknik Port Dickson
Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD)
Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT)
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP)

Semoga penganjuran Kejohanan SUPANUN 2022 kali ini diharap masih dapat mencapai objektif untuk memastikan semua agensi yang menganggotai PBBM dapat mengekalkan hubungan silaturrahim di antara agensi-agensi yang bertanding.

JAWATANKUASA KECIL LATIHAN

Pengerusi : Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Yayasan Amanah Latihan Berkanun (YALB) telah berusaha menyediakan pelbagai kursus dan latihan dalam negara/luar negara untuk penyertaan warga agensi/ahli PBBM. Hebahan dibuat melalui laman sesawang Persatuan, media sosial facebook dan juga edaran brosur. Matlamat utama program adalah dianjurkan bertujuan untuk pembangunan modal insan yang bersepadau menjurus kepada pembentukan pegawai dan kakitangan yang berdaya saing, berdaya maju dan berkualiti untuk menjadikan warga kerja kelas pertama.

Jawatankuasa terus menambahkan usaha dengan lebih giat bertujuan menarik lebih banyak penyertaan di kalangan agensi-agensi Badan-Badan Berkanun untuk menghantar peserta kursus-kursus/seminar anjuran Yayasan Amanah Latihan Berkanun (YALB).

Program Latihan Sepanjang Tahun 2022:

| BIL. | TAJUK KURSUS | TARIKH | PESERTA | TEMPAT |
|------|--|---------------------|---------|----------------------------|
| 1 | KURSUS PENGURUSAN CUTI, PERUBATAN & ELAUN (LP KUANTAN) | 21 - 22 Feb 2022 | 41 | LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN |
| 2 | KURSUS PEMASARAN MELALUI MEDIA SOSIAL (DBP) | 8 - 9 Mac 2022 | 30 | WEBINAR |
| 3 | KURSUS ETIKA, PEMANDUAN (CAAM) | 21 - 22 Mac 2022 | 11 | HOTEL CAMPBELL KL |
| 4 | "IMPACT ON EMPLOYMENT ACT & ITS RECENT AMENDMENT & HOW HR PRACTITIONERS SHOULD PREPARE THE ORGANIZATION (PKNS) | 6-Apr-22 | 17 | WEBINAR |
| 5 | 10 LEADERSHIP SKILLS FOR THE WORKPLACE OF TOMORROW (PKNS) | 13-Apr-22 | 21 | WEBINAR |
| 6 | ACCELERATING DIGITAL TRANSFORMATION: A PRACTICAL EXPERIENCE (PKNS) | 20-Apr-22 | 17 | WEBINAR |
| 7 | DESIGN THINKING AS STRATEGY FOR INNOVATION (PKNS) | 27-Apr-22 | 20 | WEBINAR |
| 8 | KURSUS PERHUBUNGAN PELANGGAN (INHOUSE DBP) | 17 - 18 Mei 2022 | 30 | WEBINAR |
| 9 | KURSUS PRA PERSARAAN KAKITANGAN AWAM (IKMA) | 23 - 25 Jun 2022 | 17 | PULAU LANGKAWI |
| 10 | LEADERSHIP ENTREPRENEURIAL DEVELOPMENT & SOCIAL MANAGEMENT TRAINING | 27 Jun - 5 Jul 2022 | 22 | ISTANBUL, TURKEY |
| 11 | KURSUS PENGURUSAN KENDERAAN (INHOUSE) | 18 - 19 Jul 2022 | 30 | ISTANA SELANGOR |
| 12 | LEADERSHIP ENTREPRENEURIAL DEVELOPMENT & SOCIAL MANAGEMENT TRAINING | 20 Julai 2022 | 1 | ILD UiTM BANDAR ENSTEK |
| 13 | 9TH GOVERNANCE MANAGEMENT & LEADERSHIP TRAINING | 20 - 29 Ogos 2022 | 38 | OXFORD CAMBRIDGE & LONDON |
| 14 | KURSUS TRANSFORMASI MINDA (IN-HOUSE) DBP | 3 - 7 Okt 2022 | 51 | HOTEL SERI MALAYSIA SEPANG |
| 15 | KURSUS HIGH PERFORMANCE CULTURES (HPC) | 26 - 27 Okt 2022 | 5 | HOTEL CAMPBELL KL |
| 16 | KURSUS MS OFFICE (EXCELL & POWERPOINT) | 31 Okt - 2 Nov 22 | 7 | TAMAN EQUESTRIAN PUTRAJAYA |
| 17 | PROFESSIONAL LEADERSHIP CERTIFICATION PROGRAMME | 9 - 11 Nov 2022 | 35 | ILD UiTM BANDAR ENSTEK |
| 18 | KURSUS HR SIRI 1 (PERLANTIKAN HINGGA PENAMATAN) INHOUSE MAIWP | 13 - 14 Dis 2022 | 35 | IBU PEJABAT MAIWP |
| 19 | KURSUS PENGURUSAN PEKERJA INOVATIF & KREATIF | 19 - 21 Dis 2022 | 4 | HIG HOTEL LANGKAWI |
| 20 | KURSUS HR SIRI 2 (PENGURUSAN CUTI) INHOUSE MAIWP | 20 - 21 Dis 2022 | 40 | IBU PEJABAT MAIWP |
| 21 | ISLAMIC PRACTICES & DEVELOPMENT TRAINING (IPDT) 2022 | 20 - 31 Dis 2022 | 19 | JEDDAH, MADINAH & MEKAH |

Pada tahun 2022 sebanyak 19 program kursus dalam negara dan 3 kursus prrogram luar negara telah berjaya dilaksanakan. Program latihan luar negara merupakan program kerjasama dengan Accounting Research Institute (ARI), UiTM.



JAWATANKUASA KECIL KOMUNIKASI & MULTIMEDIA

Pengerusi : Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Jawatankuasa kecil ini di pengerusikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Laman sesawang (www.pbbm.org.my) akan terus diaktifkan dan dikemaskini mengikut butiran maklumat dan keperluan PBBM bagi memastikan laman sesawang yang lebih mesra pelanggan dengan pautan yang mudah dicapai dan dicari.

Pihak urusetia dengan bantuan Jawatankuasa akan sentiasa menambah baik kecekapan dalam penyaluran maklumat bagi memastikan ahli-ahli mendapat info serta maklumat yang terkini dengan kadar pautan yang mudah.



No. Pendaftaran : PPM-007-10-14041984

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadanan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

Dan Anak Syarikat

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2022**

**ROSDELIMA & CO. (AF 1563)
AKAUNTAN BERTAULIAH**

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Pertubuhan 1966)

Dan Anak Syarikat

**LAPORAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|--|-------------------|
| Maklumat Korporat | 29 |
| Laporan Ahli Jawatankuasa | 30 - 32 |
| Penyata Ahli Jawatankuasa | 33 |
| Laporan Juruaudit Bebas | 34 - 36 |
| Penyata Kedudukan Kewangan | 37 |
| Penyata Pendapatan Komprehensif | 38 |
| Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul | 39 |
| Penyata Aliran Tunai | 40 - 41 |
| Nota-nota Kepada Penyata Kewangan | 42 - 58 |

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

MAKLUMAT KORPORAT

| | | |
|----------------------------|---|---|
| Yang Dipertua | : | YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Binti Mohd Janor [Universiti Teknologi MARA (UiTM)] |
| Naib Yang Dipertua | : | YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom Bin Sairi [Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)] |
| Bendahari | : | YBrs. Encik Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah [Bank Simpanan Nasional (BSN)] |
| Setiausaha Kehormat | : | YBrs. Encik Mohammad Syazwan Bin Mohd [Universiti Teknologi MARA (UiTM)] |
| Abli Jawatankuasa | : | YBhg. Datuk Seri Amir Hamzah Bin Azizan [Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)] |
| | | YBhg. Datuk Seri TPr. Hj. Mahadi Bin Che Ngah [Dewan Bandaraya Kuala Lumpur] |
| | | YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed [Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)] |
| | | YBhg. Datuk Dr. Ahmad Parveez Bin Hj Ghulam Kadir [Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)] |
| | | YBhg. Dato' Mohd Yazid Bin Sairi [Majlis Perbandaran Selayang (MPS)] |
| | | YBrs. Encik Ahmad Faedzal Bin Md Ramli [Institut Sukan Negara (ISN)] |
| Pejabat Berdaftar | : | 5-3F, Tingkat 3, Jalan Hentian 1C Pusat Hentian Kajang, Off Jalan Reko 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan |
| Juruaudit | : | Rosdelima & Co. (AF 1563) No. 3-29, PV 128 Jalan Genting Klang 53300 Kuala Lumpur |
| Bank-bank Utama | : | Bank Simpanan Nasional CIMB Bank Berhad |

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

LAPORAN AHLI JAWATANKUASA – 31 DISEMBER 2022

Ahli Jawatankuasa dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dengan penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

KEGIATAN UTAMA

Aktiviti utama Kumpulan dan Persatuan adalah merapat dan memperkuuhkan kerjasama di antara Badan-badan Berkanun di Malaysia khususnya ahli-ahli supaya dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan sejajar dengan keperluan semasa melalui aktiviti Pembangunan Modal Insan yang borsepadu dan pelbagai aktiviti sukan dan sosial.

Tiada sebarang perubahan yang penting dalam kegiatan Kumpulan dan Persatuan sepanjang tahun ini.

KEPUTUSAN

| | Kumpulan RM | Persatuan RM |
|------------------------|------------------------------|-------------------------------|
| Lebihan bagi tahun ini | <u>239,763</u> | <u>51,593</u> |

Pada pendapat para Ahli Jawatankuasa, hasil kendalian Kumpulan dan Persatuan sepanjang tahun ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang bersifat material atau luar biasa.

SIMPANAN DAN PERUNTUKAN

Tiada apa-apa pemindahan yang material kepada atau daripada simpanan atau peruntukan kecuali seperti yang didekahkan dalam penyata kewangan.

AHLI JAWATANKUASA

Ahli Jawatankuasa Kumpulan dan Persatuan yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir adalah:

| | |
|--|---------------------|
| YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Binti Mohd Janor | Yang Dipertua |
| YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom Bin Sairi | Naib Yang Dipertua |
| YBrs. Encik Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah | Bendahari |
| YBrs. Encik Mohammad Syazwan Bin Mohd | Setiausaha Kehormat |
| YBhg. Datuk Seri Amir Hamzah Bin Azizan | Ahli Jawatankuasa |
| YBhg. Datuk Seri Hj. Mahadi Bin Che Ngah | Ahli Jawatankuasa |
| YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed | Ahli Jawatankuasa |
| YBhg. Datuk Dr. Ahmad Parvez Bin Hj Ghulam Kadir | Ahli Jawatankuasa |
| YBhg. Dato' Mohd Yazid Bin Sairi | Ahli Jawatankuasa |
| YBrs. Encik Ahmad Faedzal Bin Md Ramli | Ahli Jawatankuasa |

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

LAPORAN AHLI JAWATANKUASA – 31 DISEMBER 2022

MANFAAT AHLI JAWATANKUASA

Sepanjang dan pada akhir tahun ini, tidak terdapat perkiraan yang mana Kumpulan dan Persatuan menjadi pihak, yang merupakan perkiraan dengan tujuan untuk membolehkan Ahli Jawatankuasa Kumpulan dan Persatuan memperoleh manfaat secara pemerolehan saham dalam, atau debentur, Kumpulan dan Persatuan atau mana-mana pertubuhan perbadanan lain.

Sejak tahun berakhir sebelumnya, tiada Ahli Jawatankuasa menerima atau berhak untuk menerima manfaat (selain manfaat yang termasuk dalam amaun agregat saraan yang diterima atau kena bayar dan boleh diterima oleh Ahli Jawatankuasa yang ditunjukkan dalam akaun atau gaji yang ditetapkan sebagai pekerja sepenuh masa Kumpulan dan Persatuan) disebabkan kontrak yang dibuat oleh Kumpulan dan Persatuan atau perbadanan yang berkaitan dengan Ahli Jawatankuasa atau dengan firma yang dia menjadi anggota, atau dengan sesuatu syarikat yang dalamnya Ahli Jawatankuasa mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sebelum penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Persatuan disediakan, Ahli Jawatankuasa mengambil langkah-langkah yang munasabah:

- (a) untuk menentukan tindakan yang sewajarnya telah diambil berhubung dengan hutang lapuk yang dihapus kira dan peruntukan yang dibuat bagi hutang rugu, dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang rugu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa apa-apa aset semasa yang tidak berkemungkinan direalisasikan dalam perjalanan biasa urusan termasuk nilai aset semasa telah diturunkan kepada suatu amaun yang dijangkakan boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, Ahli Jawatankuasa tidak menyedari tentang apa-apa hal keadaan:

- (a) yang menjadikan amaun yang dihapus kira bagi hutang lapuk atau amaun peruntukan bagi hutang rugu tidak mencukupi sehingga apa-apa takat yang substansial di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan; atau
- (b) yang menjadikan nilai yang dikaitkan dengan aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan mengelirukan; atau
- (c) yang timbul yang akan menjadikan pematuhan kaedah penilaian sedia ada bagi aset atau liabiliti Kumpulan dan Persatuan mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- (d) yang tidak diperkatakan selainnya dalam laporan ini atau penyata kewangan yang menjadikan apa-apa amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) apa-apa gadaian ke atas aset Kumpulan dan Persatuan yang wujud sejak akhir tahun ini yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau
- (b) apa-apa liabiliti luar jangka Kumpulan dan Persatuan yang wujud sejak akhir tahun ini.

No. Pendaftaran : PPM-007-10-14041984

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

LAPORAN AHLI JAWATANKUASA – 31 DISEMBER 2022

Tiada apa-apa liabiliti luar jangka atau liabiliti lain telah berkuat kuasa, atau berkemungkinan berkuat kuasa, dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat Ahli Jawatankuasa, akan atau boleh menjelaskan kemampuan Kumpulan dan Persatuan untuk memenuhi obligasinya apabila ia hendaklah dilaksanakan.

Pada pendapat Ahli Jawatankuasa, tiada butiran, transaksi atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa berkemungkinan menjelaskan sebahagian besar keputusan operasi Kumpulan dan Persatuan untuk tahun berikutnya.

SARAAN JURUAUDIT

Jumlah amaun yang dibayar kepada atau yang boleh diterima oleh juruaudit sebagai saraan bagi perkhidmatan mereka sebagai juruaudit Kumpulan dan Persatuan adalah seperti berikut:

| | 2022 |
|----------------|--------------|
| | RM |
| Audit berkanun | <u>3,500</u> |

JURUAUDIT

Juruaudit Tetuan Rosdelima & Co., telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik.

No. Pendaftaran : PPM-007-10-14041984

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

PENYATA AHLI JAWATANKUASA

Kami, PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH BINTI MOHD JANOR, DATUK DR. MOHD NIZOM BIN SAIRI dan ENCIK JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH, tiga daripada Ahli Jawatankuasa **PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Ahli Jawatankuasa, penyata kewangan yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam dana terkumpul dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan ringakasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, telah disediakan menurut kehendak Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, dan keperluan Akta Pertubuhan 1966, yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Persatuan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani mengikut resolusi para Ahli Jawatankuasa.

PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH BINTI MOHD JANOR
Yang Dipertua

DATUK DR. MOHD NIZOM BIN SAIRI
Naib Yang Dipertua

ENCIK JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH
Bendahari

Kuala Lumpur

Tarikh: **08 JUN 2023**

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA**
(No. Pendaftaran : PPM-007-10-14041984)
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA** yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun yang telah berakhir, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting, yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 28.

Pada pendapat kami, penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Persatuan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ('MFRS') dan keperluan Akta Pertubuhan 1966, di Malaysia.

Asas Bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami berdasarkan Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam bahagian "Tanggungjawab juruaudit untuk pengauditan penyata kewangan" dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain

Kami adalah bebas daripada Kumpulan dan Persatuan menurut Undang-Undang Kecil (berkenaan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ('Undang-Undang Kecil') dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional bagi Akauntan ('Kod IESBA'), dan kami telah memenuhi tanggungjawab beretika yang lain menurut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Yang Berkaitan

Para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab terhadap maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Ahli Jawatankuasa tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan serta laporan juruaudit kami yang berkaitan.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan tidak meliputi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan keatas kesimpulannya.

Sehubungan dengan audit kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan dengan itu mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu adalah tidak selaras dengan penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan atau dengan pengetahuan yang kami perolehi daripada audit atau sebaliknya ianya muncul sebagai salah nyata yang ketara.

Sekiranya berdasarkan kerja-kerja yang telah kami laksanakan ke atas maklumat yang lain yang telah kami terima sebelum tarikh laporan juruaudit bebas ini, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara bagi maklumat yang lain tersebut. Sehubungan dengan hal ini, kami tidak mempunyai sebarang laporan.

Tanggungjawab Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Jawatankuasa Kumpulan dan Persatuan adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ('MFRS') dan keperluan Akta Pertubuhan 1966, di Malaysia. Ahli Jawatankuasa juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman di mana Ahli Jawatankuasa menentukan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan, para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Persatuan untuk kekal beroperasi secara berterusan, mendedahkan, yang mana berkenan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan berkaitan menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada kesalahan nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan peringkat tinggi, namun bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia akan sentiasa mengesan kesalahan nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau agregat, mereka semunasabahnya dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia, kami menggunakan pertimbangan professional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko kesalahan nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulitan, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Persatuan.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Jawatankuasa.

No. Pendaftaran : PPM-007-10-14041984

Tanggungjawab Juruaudit (sambungan)

Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Kumpulan atau Persatuan sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin boleh menyebabkan Kumpulan atau Persatuan menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

- Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan mewakili urus niaga asas dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Ahli Jawatankuasa mengenai, antara lain, skop dan tempoh audit yang dirancang dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang telah dikenal pasti semasa pengauditan kami.

Lain-lain Perkara

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli-ahli Kumpulan dan Persatuan, sebagai sebuah badan, selaras dengan Akta Pertubuhan 1966, di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.


ROSDELIMA & CO
AF 1563
Akauntan Bertauliah


ROSDELIMA BINTI MOHD ALI JAAFAR
2593/01/2025 (J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
Tarikh: 08 JUN 2023

No. Pendaftaran : PPM-007-10-14041984

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022**

| Nota | KUMPULAN | | PERSATUAN | |
|------------------------------------|------------|------------------|------------------|------------------|
| | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| ASET BUKAN SEMASA | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 5 | 177,803 | 173,814 | 62,579 |
| Pelaburan anak syarikat | 6 | - | - | 501,000 |
| Aset cukai tertunda | 7 | <u>76,247</u> | <u>76,247</u> | <u>39,498</u> |
| | | <u>254,050</u> | <u>250,061</u> | <u>603,077</u> |
| | | | | <u>603,740</u> |
| ASET SEMASA | | | | |
| Penghutang dan pelbagai penghutang | 8 | 821,135 | 680,363 | 91,468 |
| Simpanan tetap | 9 | 2,147,580 | 2,266,470 | 642,801 |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 10 | <u>989,057</u> | <u>934,535</u> | <u>338,203</u> |
| | | <u>3,957,772</u> | <u>3,881,368</u> | <u>1,072,472</u> |
| | | | | <u>1,140,155</u> |
| JUMLAH ASET | | <u>4,211,822</u> | <u>4,131,429</u> | <u>1,675,549</u> |
| | | | | <u>1,743,895</u> |
| DIBIAYAI OLEH : | | | | |
| MODAL DAN RIZAB | | | | |
| Dana terkumpul | | <u>4,167,143</u> | <u>3,927,380</u> | <u>1,288,386</u> |
| Jumlah modal dan rizab | | <u>4,167,143</u> | <u>3,927,380</u> | <u>1,288,386</u> |
| | | | | <u>1,236,793</u> |
| LIABILITI SEMASA | | | | |
| Pembiutang dan pelbagai pembiutang | 11 | 29,857 | 152,862 | 382,341 |
| Peruntukan cukai | | <u>14,822</u> | <u>51,187</u> | <u>4,822</u> |
| | | <u>44,679</u> | <u>204,049</u> | <u>387,163</u> |
| JUMLAH LIABILITI | | <u>44,679</u> | <u>204,049</u> | <u>387,163</u> |
| JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI | | <u>4,211,822</u> | <u>4,131,429</u> | <u>1,675,549</u> |
| | | | | <u>1,743,895</u> |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan d bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| | Nota | KUMPULAN | | PERSATUAN | |
|--|------|-------------|------------|------------|------------|
| | | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| Pendapatan | 12 | 2,805,839 | 420,080 | 665,555 | 420,080 |
| Kos perkhidmatan | | (2,229,517) | (91,622) | (297,666) | (91,622) |
| Lebihan kasar | | 576,322 | 328,458 | 367,889 | 328,458 |
| Pendapatan lain | 13 | 101,407 | 80,046 | 35,583 | 33,691 |
| | | 677,729 | 408,504 | 403,472 | 362,149 |
| Perbelanjaan pentadbiran dan operasi | | (422,432) | (398,233) | (345,879) | (380,380) |
| Lebihan/(kurangan) sebelum cukai | 14 | 255,297 | 10,271 | 57,593 | (18,231) |
| Perbelanjaan cukai | 15 | (15,534) | (1,509) | (6,000) | (252) |
| Lebihan/(kurangan) bagi tahun semasa | | 239,763 | 8,762 | 51,593 | (18,483) |
| Lebihan/(kurangan) diagihkan kepada pemilik Kumpulan dan Persatuan | | 239,763 | 8,762 | 51,593 | (18,483) |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

No. Pendaftaran : PPM-007-10-14041984

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan d bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

**PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| <u>KUMPULAN</u> | Dana terkumpul RM | Jumlah RM |
|--|------------------------------|----------------------|
| Pada 1 Januari 2021 | 3,918,618 | 3,918,618 |
| Lebihan bagi tahun lalu | 8,762 | 8,762 |
| Pada 31 Disember 2021 / 1 Januari 2022 | 3,927,380 | 3,927,380 |
| Lebihan bagi tahun semasa | 239,763 | 239,763 |
| Pada 31 Disember 2022 | 4,167,143 | 4,167,143 |

| <u>PERSATUAN</u> | Dana terkumpul RM | Jumlah RM |
|--|------------------------------|----------------------|
| Pada 1 Januari 2021 | 1,255,276 | 1,255,276 |
| Kurangan bagi tahun lalu | (18,483) | (18,483) |
| Pada 31 Disember 2021 / 1 Januari 2022 | 1,236,793 | 1,236,793 |
| Lebihan bagi tahun semasa | 51,593 | 51,593 |
| Pada 31 Disember 2022 | 1,288,386 | 1,288,386 |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan d bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2022

| Nota | <u>KUMPULAN</u> | | <u>PERSATUAN</u> | |
|--|-----------------|------------|------------------|------------|
| | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN KENDALIAN | | | | |
| Lebihan/(kurangan) sebelum cukai | | | | |
| 14 | 255,297 | 10,271 | 57,593 | (18,231) |
| Pelarasan : | | | | |
| Belanja susutnilai harta tanah, loji dan peralatan | 11,048 | 7,608 | 3,483 | 3,257 |
| Lebihan/(kurangan) kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja | 266,345 | 17,879 | 61,076 | (14,974) |
| Penambahan dan pengurangan dalam : | | | | |
| Penghutang dan pelbagai penghutang | (140,772) | (281,560) | 118,121 | (153,069) |
| Pembiutang dan pelbagai pembiutang | (123,005) | (29,814) | (100,519) | (52,506) |
| Tunai bersih daripada/(digunakan dalam) kegiatan kendalian | 2,568 | (293,495) | 78,678 | (220,549) |
| Cukai dibayar | (51,899) | (40,371) | (25,420) | (21,001) |
| Tunai bersih (digunakan dalam)/daripada kegiatan kendalian | (49,331) | (333,866) | 53,258 | (241,550) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN | | | | |
| Pembelian harta tanah, loji dan peralatan | (15,037) | - | (2,820) | - |
| Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan | (15,037) | - | (2,820) | - |
| (Kurangan)/lebihan bersih tunai dan kesetaraan tunai | (64,368) | (333,866) | 50,438 | (241,550) |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | 3,201,005 | 3,534,871 | 930,566 | 1,172,116 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun | 3,136,637 | 3,201,005 | 981,004 | 930,566 |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

No. Pendaftaran : PPM-007-10-14041984

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan d bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMBUNGAN)
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2022

| | KUMPULAN | | PERSATUAN | |
|-----------------------------------|-------------------|------------------|------------------|----------------|
| | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| Tunai dan kesetaraan tunai | | | | |
| Simpanan tetap | 9 2,147,580 | 2,266,470 | 642,801 | 613,717 |
| Tunai di tangan | 10 2,150 | 149 | 2,150 | 149 |
| Tunai di bank | 10 <u>986,907</u> | <u>934,386</u> | <u>336,053</u> | <u>316,700</u> |
| | <u>3,136,637</u> | <u>3,201,005</u> | <u>981,004</u> | <u>930,566</u> |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

1 MAKLUMAT AM

Persatuan adalah sebuah pertubuhan awam yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Pejabat berdaftar beralamat No. 5-3F, Tingkat 3, Jalan Hentian 1C, Pusat Hentian Kajang, Off Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Aktiviti utama Persatuan adalah merapat dan memperkuuhkan Kerjasama di antara Badan-badan Berkanun di Malaysia khususnya ahli-ahli supaya dapat mempertingkatkan mutu perkhidmatan sejajar dengan keperluan semasa melalui aktiviti Pembangunan Modal Insan yang bersepudu dan pelbagai aktiviti sukan dan sosial.

Tiada sebarang perubahan yang penting dalam kegiatan Persatuan sepanjang tahun ini.

Penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan dibentangkan dalam matawang fungsian, yang mana merupakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi. Matawang fungsian Kumpulan dan Persatuan adalah Ringgit Malaysia di mana jualan dan pembelian terutamanya didenominasi dalam Ringgit Malaysia dan perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam Ringgit Malaysia dan dana daripada aktiviti pembiayaan dijana dalam Ringgit Malaysia.

2 ASAS PENYEDIAAN

2.1 Penyata pematuhan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Persatuan telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (“MFRS”) yang mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) dan peruntukan Akta Pertubuhan 1966, yang diluluskan di Malaysia. Penyata kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya dalam dasar perakauman di bawah.

(a) Piawaian dan pindaan yang berkesan dan diterima pakai pada tahun kewangan

- Pindaan kepada MFRS 1, *Penggunaan MFRS Kali Pertama (Penambahbaikan tahunan kepada MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Gabungan Perniagaan (Rujukan kepada Rangka Kerja Konseptual)*
- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan (Penambahbaikan tahunan kepada MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan (Hasil sebelum Penggunaan Yang Diinginkan)*
- Pindaan kepada MFRS 137, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka (Kontrak Membebankan - Kos Memenuhi Kontrak)*
- Pindaan kepada MFRS 141, *Pertanian (Penambahbaikan kepada MFRS 2018-2020)*

Penggunaan piawaian dan pindaan di atas tidak mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan.

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

(b) Piawaian dan pindaan yang telah dikeluarkan tetapi masih belum berkesan

Berkuat kuasa untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

- Pindaan kepada MFRS 17, *Kontrak Insurans – Penggunaan awal MFRS 17 dan MFRS 9 - Maklumat Perbandingan*.
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan - Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa dan Pendedahan Dasar Perakaunan*.
- Pindaan kepada MFRS 108, *Dasar Perakaunan - Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Ralat (Takrifan Anggaran Perakaunan)*.
- Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Pendapatan - Cukai Tertunda Berkaitan dengan Aset dan Liabiliti Yang Timbul daripada Satu Transaksi*.

Berkuat kuasa untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024

- Pindaan kepada MFRS 16, *Pajakan - Liabiliti Pajakan dalam Jualan dan Pajakan Balik*.
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan - Liabiliti Bukan Semasa dengan Perjanjian*.

Tarikh kuat kuasa telah ditangguhkan ke tarikh yang akan ditentukan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia

- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128, *Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Rakan Bersekutu atau Usahasamanya*.

Perolehan di atas dijangka tidak mempunyai sebarang kesan ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan.

2.2 Asas pengukuran

Penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar-dasar penting perakaunan.

2.3 Asas penyatuan

Akaun Persatuan telah disatukan dengan akaun Yayasan berdasarkan kepentingan bersamaan terhadap aktiviti Yayasan bagi menggambarkan keseluruhan aktiviti Persatuan dan Yayasan.

2.4 Asas penggabungan

Penyata Kewangan Kumpulan mengandungi Penyata Kewangan Persatuan dan anak syarikat yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan anak syarikat disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Persatuan serta menggunakan dasar perakaunan yang konsisten untuk transaksi dan peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Anak syarikat disatukan dari tarikh Kumpulan dan Persatuan memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga ke tarikh kawalan tersebut tamat. Dalam menyediakan penyata kewangan yang disatukan, semua urus niaga, baki antara Kumpulan dan Persatuan, keuntungan atau kerugian tidak direalisasi serta dihapuskan sepenuhnya.

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

Keuntungan tidak nyata daripada transaksi antara Kumpulan dan entiti kawalan bersama dihapuskan setakat mana kepentingan Kumpulan dan entiti kawasan bersama tersebut. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan mengikut asas yang sama tetapi hanya setakat tiada sebarang bukti menunjukkan telah berlaku rugi terjejas.

2.5 Penggunaan anggaran dan pernilaian

Penyediaan penyata kewangan yang sesuai dengan MFRS menghendaki para Ahli Jawatankuasa membuat anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset, liabiliti, hasil, dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan aset luar jangka dan liabiliti luar jangka.

Sebagai tambahan, para Ahli Jawatankuasa juga perlu melaksanakan penilaian mereka dalam proses menerapkan dasar-dasar perakaunan. Bidang yang melibatkan penilaian, anggaran dan anggapan tersebut dinyatakan dalam nota 4 kepada penyata kewangan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan pengetahuan terbaik para Ahli Jawatankuasa tentang peristiwa dan tindakan, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Anggaran dan andaian asas dikaji secara berterusan. Semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak semula dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terjejas.

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kos sesuatu item harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan Persatuan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Selepas pengiktirafan sebagai aset, item harta tanah, loji dan peralatan diukur pada kos ditolak sebarang susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, kecuali tanah dan bangunan pegangan bebas.

Susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskira amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat bergunanya, seperti berikut:

| | % |
|---------------------------------|----|
| Bangunan | 2 |
| Komputer dan perisian | 20 |
| Perabot dan kelengkapan pejabat | 10 |
| Peralatan pejabat | 10 |

Susutnilai sesuatu aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Nilai sisa dan hayat berguna aset, jika ketara, dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item harta tanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

3.2 ROSOT NILAI ASET SELAIN ASET KEWANGAN

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Persatuan menilai sama ada ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai. Jika mana-mana petanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosot nilai tetapi ia tidak dapat mengganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, Kumpulan dan Persatuan akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penjanaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosot nilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai bagi unit penjanaan tunai adalah diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit penjanaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain unit pro-rata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai.

Kerugian rosot nilai aset diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai pengurangan penilaian semula.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosot nilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosot nilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosot nilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai peningkatan penilaian semula.

3.3 ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Persatuan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urus niaga, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urus niaga pembiayaan bagi pihak bertimbang kepada pengaturan.

3.4 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit bank jangka pendek dan lain-lain pelaburan jangka pendek, sangat cair yang mempunyai tempoh matang pendek tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan, bersih daripada overdraf bank.

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3.5 LIABILITI DAN EKUITI

i) Klasifikasi Liabiliti Dan Ekuiti

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti dikelaskan mengikut isi kandungan perjanjian kontrak, bukan semata-mata bentuk undang-undangnya, dan mengikut takrifan liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

ii) Instrumen Ekuiti

Kumpulan dan Persatuan kemudiannya mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Di mana pengurusan Kumpulan dan Persatuan telah memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama ke atas pelaburan ekuiti dalam Pendapatan Komprehensif Lain, tiada pengelasan semula seterusnya keuntungan dan kerugian nilai saksama kepada untung atau rugi berikutan penyahiktirafan pelaburan tersebut. Dividen daripada pelaburan tersebut terus diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan operasi lain apabila hak Kumpulan dan Persatuan untuk menerima pembayaran telah ditetapkan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan di Nilai Saksama Melalui Untung Rugi diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain dalam penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain.

3.6 LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Persatuan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan diiktiraf, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urus niaga, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urus niaga pembiayaan bagi Kumpulan dan Persatuan kepada pengaturan.

3.7 PERUNTUKAN

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Persatuan mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan mansaht ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidakpastian diambil kira dalam mencapai anggaran terbaik bagi sesuatu peruntukan. Apabila kesan nilai masa wang adalah material, amaun yang diiktiraf berkenaan dengan peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan obligasi.

3.8 PENDAPATAN

i) Pendapatan Derma dan Sumbangan

Pendapatan derma dan sumbangan diiktiraf apabila tunai diterima daripada pihak penaja, sama ada dalam bentuk sumbangan, pemberian peruntukan yang diterima daripada kerajaan, organisasi, syarikat dan individu.

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3.9 MANFAAT PEKERJA

i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Manfaat pekerja jangka pendek, contohnya upah, gaji dan manfaat lain, adalah diiktiraf pada amaun tidak didiskaun sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Kumpulan dan Persatuan.

Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran terkumpul adalah diiktiraf apabila pekerja melaksanakan perkhidmatan yang meningkatkan kelayakan mereka untuk pampasan ketidakhadiran pada masa depan. Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul, seperti cuti sakit, adalah diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran terkumpul adalah diukur sebagai amaun tambahan tidak didiskaunkan yang dijangka akan dibayar sebagai akibat daripada kelayakan yang tidak digunakan yang terkumpul pada akhir tempoh pelaporan.

Jangkaan kos ke atas perkongsian untung dan bayaran bonus adalah diiktiraf apabila Kumpulan dan Persatuan mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa untuk membuat pembayaran akibat daripada peristiwa lepas dan anggaran obligasi dapat dianggarkan dengan pasti. Obligasi semasa wujud apabila Kumpulan dan Persatuan tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk membuat pembayaran.

ii) Pelan Caruman Wajib

Caruman yang perlu dibayar kepada pelan caruman tetap diikraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Kumpulan dan Persatuan.

3.10 CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali bahawa perubahan yang boleh dikaitkan dengan item pendapatan atau perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Cukai tertunda diperuntukan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjelaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai.

Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah. Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara Kumpulan dan Persatuan menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh pelaporan, dan jumlah bawa dikurangkan setakat yang tidak lagi mungkin bahawa keuntungan boleh dicukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset digunakan. Pengurangan dibalikkan sehingga kemungkinan keuntungan yang boleh dicukai yang mencukupi akan tersedia.

4 ANGGARAN DAN PENILAIAN AKAUN YANG PENTING

4.1 Perubahan dalam anggaran

Anggaran dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman terdahulu dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa depan yang dipercayai munasabah dalam sesuatu keadaan.

Para Ahli Jawatankuasa berpendapat bahawa tidak ada perubahan ketara dalam anggaran pada akhir tempoh laporan.

4.2 Sumber utama ketidakpastian anggaran

Berikut adalah andaian utama mengenai masa depan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada akhir setiap tempoh laporan yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan yang nyata kepada jumlah aset dan liabiliti dibawa dalam tahun hadapan.

i) Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan

Kos harta tanah, loji dan peralatan disusutnilaikan pada kaedah garis lurus atau kaedah lain yang sistematis yang mencerminkan penggunaan manfaat ekonomi aset sepanjang hayat kegunaannya. Anggaran digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat kegunaannya dan nilai sisa. Pengambilan manfaat ekonomi sebenar harta, loji dan peralatan mungkin berbeza dari anggaran yang digunakan dan ini bolch menyebabkan keuntungan atau kerugian atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan.

No. Pendaftaran : PPM-007-10-14041984

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

ii) Penjejasan nilai penghutang

Kumpulan dan Persatuan membuat kemerosotan nilai penghutang berdasarkan penilaian pemulihian semula penghutang. Kejerosotan digunakan untuk penghutang di mana peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai bawaan tidak dapat diperolehi semula. Pengurusan secara khusus menganalisa sejarah hutang lapuk, kepercayaan kredit penghutang, trend ekonomi semasa dan perubahan dalam terma pembayaran penghutang apabila membuat penilaian ketetapan kejerosotan nilai penghutang. Jika jangkaan berbeza dari anggaran asal, perbezaan akan membri impak kepada jumlah bawaan diterima.

5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| KUMPULAN | Pada 01.01.2022 | Tambahan | Pelupusan | Pada 31.12.2022 |
|---------------------------------|--------------------|---------------|-----------|--------------------|
| | RM | RM | RM | RM |
| Kos | | | | |
| Bangunan | 227,000 | - | - | 227,000 |
| Komputer dan perisian | 102,678 | 12,217 | - | 114,895 |
| Perabot dan kelengkapan pejabat | 33,509 | - | - | 33,509 |
| Peralatan pejabat | 103,044 | 2,820 | - | 105,864 |
| | 466,231 | 15,037 | - | 481,268 |

| | Pada 01.01.2022 | Tambahan | Pelupusan | Pada 31.12.2022 |
|---------------------------------|--------------------|---------------|-----------|--------------------|
| | RM | RM | RM | RM |
| Susut nilai terkumpul | | | | |
| Bangunan | 63,560 | 4,540 | - | 68,100 |
| Komputer dan perisian | 101,159 | 3,454 | - | 104,613 |
| Perabot dan kelengkapan pejabat | 27,082 | 782 | - | 27,864 |
| Peralatan pejabat | 100,616 | 2,272 | - | 102,888 |
| | 292,417 | 11,048 | - | 303,465 |

| | 2022 | 2021 |
|---------------------------------|----------------|----------------|
| | RM | RM |
| Nilai Buku Bersih | | |
| Bangunan | 158,900 | 163,440 |
| Komputer dan perisian | 10,282 | 1,519 |
| Perabot dan kelengkapan pejabat | 5,645 | 6,427 |
| Peralatan pejabat | 2,976 | 2,428 |
| | 177,803 | 173,814 |

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
 (Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
 Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| PERSATUAN | Pada | | Pelupusan | Pada |
|---------------------------------|----------------|--------------|-----------|----------------|
| | 01.01.2022 | Tambahan | | |
| <u>Kos</u> | RM | RM | RM | RM |
| Bangunan | 76,000 | - | - | 76,000 |
| Komputer dan perisian | 54,594 | - | - | 54,594 |
| Perabot dan kelengkapan pejabat | 33,509 | - | - | 33,509 |
| Peralatan pejabat | 30,289 | 2,820 | - | 33,109 |
| | <u>194,392</u> | <u>2,820</u> | - | <u>197,212</u> |

| <u>Susut nilai terkumpul</u> | Pada | | Pelupusan | Pada |
|---------------------------------|----------------|--------------|-----------|----------------|
| | 01.01.2022 | Tambahan | | |
| | RM | RM | RM | RM |
| Bangunan | 21,280 | 1,520 | - | 22,800 |
| Komputer dan perisian | 53,078 | 754 | - | 53,832 |
| Perabot dan kelengkapan pejabat | 27,082 | 782 | - | 27,864 |
| Peralatan pejabat | 29,710 | 427 | - | 30,137 |
| | <u>131,150</u> | <u>3,483</u> | - | <u>134,633</u> |

| <u>Nilai Buku Bersih</u> | 2022 | | 2021 | |
|---------------------------------|---------------|---------------|------|--------|
| | RM | RM | RM | RM |
| Bangunan | | 53,200 | | 54,720 |
| Komputer dan perisian | | 762 | | 1,516 |
| Perabot dan kelengkapan pejabat | | 5,645 | | 6,427 |
| Peralatan pejabat | | 2,972 | | 579 |
| | <u>62,579</u> | <u>63,242</u> | | |

No. Pendaftaran : PPM-007-10-14041984

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

13 PENDAPATAN LAIN

| | KUMPULAN | | PERSATUAN | |
|-----------------------|----------------|---------------|---------------|---------------|
| | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| Faedah simpanan tetap | 94,908 | 65,744 | 29,084 | 19,389 |
| Hibah | 499 | 702 | 499 | 702 |
| Pendapatan sewa | 6,000 | 4,000 | 6,000 | 4,000 |
| Subsidi kerajaan | - | 9,600 | - | 9,600 |
| | 101,407 | 80,046 | 35,583 | 33,691 |

14 LEBIHAN/(KURANGAN) SEBELUM CUKAI

| | KUMPULAN | | PERSATUAN | |
|---|------------|------------|------------|------------|
| | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| Lebihan/(kurangan) sebelum cukai diperolehi setelah dikenakan : | | | | |
| Kos pekerja : | | | | |
| - Caruman kepada rancangan caruman tertentu | 74,693 | 47,290 | 74,693 | 47,290 |
| - Gaji, elauan dan bonus | 211,359 | 277,783 | 211,359 | 277,783 |
| - Faedah lain kakitangan | 14,980 | 11,841 | 14,980 | 11,841 |
| Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan | 11,048 | 7,608 | 3,483 | 3,257 |
| Yuran audit | 9,500 | 11,400 | 3,500 | 3,200 |

15 PERBELANJAAN CUKAI

| | KUMPULAN | | PERSATUAN | |
|-------------------------------|---------------|--------------|--------------|------------|
| | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| Percukaian Malaysia : | | | | |
| Peruntukan cukai tahun semasa | 15,534 | 2,437 | 6,000 | 252 |
| Aset cukai tertunda (Nota 7) | - | (928) | - | - |
| | 15,534 | 1,509 | 6,000 | 252 |

Pendapatan Kumpulan dan Persatuan ini adalah ditafsirkan berdasarkan konsep “mutuality” di mana hanya keuntungan yang didapat dari urus niaga selain daripada yuran yang disumbangkan oleh ahli adalah tertakluk kepada cukai pendapatan. Walaubagaimana, ini tertakluk kepada kelulusan daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

16 TRANSAKSI PIHAK BERKAITAN

Semua urus niaga pihak berkaitan dilaksanakan berdasarkan termasuk komersial biasa. Baki yang berkaitan dengan urus niaga di bawah ditunjukkan dalam Nota 11.

| | PERSATUAN | |
|---|--------------------------|--------------------------|
| | 2022 RM | 2021 RM |
| Pendahuluan tanpa faedah daripada entiti berkaitan : | | |
| Yayasan Amanah Latihan Berkanun | <u>368,322</u> | <u>459,997</u> |
| Yuran perkhidmatan pengurusan kepada entiti berkaitan : | | |
| Yayasan Amanah Latihan Berkanun | <u>93,875</u> | <u>-</u> |

17 INSTRUMEN KEWANGAN

a) **Kategori instrumen kewangan**

Instrumen kewangan Kumpulan dan Persatuan pada tarikh laporan dikategorikan ke dalam kelas berikut:

- Aset kewangan diukur pada kos terlunas
- Aset kewangan diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi
- Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas

Jadual di bawah menyediakan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan seperti berikut :

| | KUMPULAN | | PERSATUAN | |
|--|------------------------|-----------------------|------------------------|-----------------------|
| | Jumlah dibawa RM | Kos Terlunas RM | Jumlah dibawa RM | Kos Terlunas RM |
| <u>31.12.2022</u> | | | | |
| Aset kewangan/(liabiliti) | | | | |
| Penghutang dan pelbagai penghutang | 729,404 | 729,404 | 87,928 | 87,928 |
| Deposit | 5,620 | 5,620 | 3,540 | 3,540 |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 3,136,637 | 3,136,637 | 981,004 | 981,004 |
| Pelbagai pembiutang dan akruan | (29,857) | (29,857) | (14,019) | (14,019) |
| Jumlah terhutang kepada entiti berkaitan | - | - | (368,322) | (368,322) |

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

| | KUMPULAN | | PERSATUAN | |
|--|------------------------|-----------------------|------------------------|-----------------------|
| | Jumlah dibawa RM | Kos Terlunas RM | Jumlah dibawa RM | Kos Terlunas RM |
| <u>31.12.2021</u> | | | | |
| Asct kewangan/(liabiliti) | | | | |
| Penghutang dan pelbagai penghutang | 588,632 | 588,632 | 206,049 | 206,049 |
| Deposit | 5,620 | 5,620 | 3,540 | 3,540 |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 3,201,005 | 3,201,005 | 930,566 | 930,566 |
| Pelbagai pembiutang dan akruan | (152,862) | (152,862) | (22,863) | (22,863) |
| Jumlah terhutang kepada entiti Berkaitan | - | - | (459,997) | (459,997) |

b) Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Persatuan adalah untuk memastikan Kumpulan dan Persatuan mencipta nilai dan memaksimumkan pulangan kepada Kumpulan dan Persatuan. Dasar pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Persatuan berusaha memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi bagi pelaksanaan operasi yang lancar. Kumpulan dan Persatuan mempunyai pendedahan terhadap risiko kredit, risiko kecairan dan risiko pasaran.

i. Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan kepada Kumpulan dan Persatuan sekiranya pihak balas gagal menjalankan urusan sebagaimana ditetapkan dalam kontrak. Kumpulan dan Persatuan terdedah kepada risiko kredit yang timbul terutamanya daripada penghutang perdagangan.

Pendedahan maksimum kepada risiko kredit diwakili oleh jumlah dibawa dalam penyata kedudukan kewangan.

Penghutang perdagangan tidak dijangka untuk mungkir. Oleh itu, Kumpulan dan Persatuan tidak mengiktiraf sebarang peruntukan untuk kerugian rosot nilai.

ii. Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko ketidakupayaan mencapai komitmen yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Kumpulan dan Persatuan mengamalkan pengurusan risiko kecairan untuk memantau dan mengekalkan aras tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk membayai operasi Kumpulan dan Persatuan dan untuk mengurangkan kesan turun naik dalam aliran tunai.

Analisis kematangan

Profil kematangan liabiliti kewangan Kumpulan dan Persatuan pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan kepada bayaran berkontrak tidak didiskaunkan adalah seperti berikut :

No. Pendaftaran : PPM-007-10-14041984

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)
Dan Anak Syarikat

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

| | <u>KUMPULAN</u> | | <u>PERSATUAN</u> | |
|--------------------------------|------------------------|----------------------------------|------------------------|----------------------------------|
| | Jumlah dibawa RM | Aliran tunai berkontrak RM | Jumlah dibawa RM | Aliran tunai berkontrak RM |
| <u>31.12.2022</u> | | | | |
| Pelbagai pembiutang dan akruan | (29,857) | (29,857) | (382,341) | (382,341) |
| <u>31.12.2021</u> | | | | |
| Pelbagai pembiutang dan akruan | (152,862) | (152,862) | (482,860) | (482,860) |

18 PENGESAHAN UNTUK MASALAH PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Persatuan telah dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Ahli Jawatankuasa pada **08 JUN 2023**

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF TERPERINCI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| | KUMPULAN | | PERSATUAN | |
|--|--------------------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| Pendapatan : | | | | |
| Acara SUKANUN | 236,200 | 62,080 | 236,200 | 62,080 |
| Mesyuarat agung tahunan | - | 76,500 | - | 76,500 |
| Sumbangan lain | 54,980 | - | 54,980 | - |
| Yuran keahlian | 280,500 | 281,500 | 280,500 | 281,500 |
| Yuran kursus dan seminar | 2,234,159 | - | 93,875 | - |
| | <u>2,805,839</u> | <u>420,080</u> | <u>665,555</u> | <u>420,080</u> |
| Tolak : Kos perkhidmatan | | | | |
| Belanja mesyuarat agung tahunan | (22,911) | (36,069) | (22,911) | (36,069) |
| Belanja Kejohanan Golf 2022 | (84,676) | - | (84,676) | - |
| Belanja Karnival SUKANUNVE 2.0 | (65,033) | - | (65,033) | - |
| Belanja sukanun | - | (55,553) | - | (55,553) |
| Belanja sukan pantai | (125,046) | - | (125,046) | - |
| Kos perkhidmatan | (1,931,851) | - | - | - |
| | <u>(2,229,517)</u> | <u>(91,622)</u> | <u>(297,666)</u> | <u>(91,622)</u> |
| Lebihan kasar | 576,322 | 328,458 | 367,889 | 328,458 |
| Tambah : Lain-lain pendapatan | | | | |
| Faedah simpanan tetap | 94,908 | 65,744 | 29,084 | 19,389 |
| Hibah | 499 | 702 | 499 | 702 |
| Pendapatan sewa | 6,000 | 4,000 | 6,000 | 4,000 |
| Subsidi kerajaan | - | 9,600 | - | 9,600 |
| | <u>101,407</u> | <u>80,046</u> | <u>35,583</u> | <u>33,691</u> |
| Pendapatan bersih | 677,729 | 408,504 | 403,472 | 362,149 |
| Tolak : Perbelanjaan pentadbiran dan operasi | (422,432) | (398,233) | (345,879) | (380,380) |
| Lebihan/(kurangan) sebelum cukai | <u>255,297</u> | <u>10,271</u> | <u>57,593</u> | <u>(18,231)</u> |

Penyata ini disediakan untuk tujuan kegunaan Pengurusan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada penyata kewangan berkanun yang diaudit.

PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA
(Diperbadankan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

**JADUAL PERBELANJAAN PENTADBIRAN DAN OPERASI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| | KUMPULAN | | PERSATUAN | |
|--|--------------------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|
| | 2022 RM | 2021 RM | 2022 RM | 2021 RM |
| Alat tulis dan keperluan Pejabat | 3,165 | 1,571 | 239 | 1,231 |
| Belanja air dan elektrik | 4,696 | 2,630 | 4,696 | 2,630 |
| Belanja fotostat dan percetakan | 4,385 | 4,728 | 4,385 | 4,390 |
| Belanja makan dan minum | 92 | 385 | 92 | 385 |
| Belanja mesyuarat | 7,150 | 2,400 | 7,150 | 2,400 |
| Belanja selenggara pejabat | 1,324 | 1,504 | 1,324 | 1,504 |
| Belanja STTP | 53,491 | - | - | - |
| Caj perkhidmatan bank | 140 | 349 | 90 | 285 |
| Cukai taksiran | 152 | 309 | 152 | 309 |
| Denda dan penalti | - | 200 | - | 200 |
| Elaun Ahli Lembaga Pengarah | 1,500 | - | - | - |
| Insuran pekerja | 5,960 | 9,705 | 5,960 | 9,705 |
| Kos pekerja : | | | | |
| - Bonus | 9,588 | 22,130 | 9,588 | 22,130 |
| - Caruman KWSP | 70,022 | 47,290 | 70,022 | 47,290 |
| - Caruman PERKESO | 4,671 | 3,299 | 4,671 | 3,299 |
| - Elaun perjalanan | 10,000 | 3,933 | 10,000 | 3,933 |
| - Elaun perubatan | 4,980 | 4,609 | 4,980 | 4,609 |
| - Gaji dan elaun tetap | 201,771 | 255,653 | 201,771 | 255,653 |
| Lesen perniagaan | 641 | 1,282 | 641 | 1,282 |
| Parkir | - | 71 | - | 71 |
| Pembaharuan lesen Pejabat | 480 | 2,558 | 480 | 2,558 |
| Perbelanjaan pengurusan | 6,324 | 3,704 | 5,991 | 3,704 |
| Perkhidmatan pos | 1,749 | 1,076 | 1,512 | 1,016 |
| Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan | 11,048 | 7,608 | 3,483 | 3,257 |
| Telefon, internet dan faksimili | 5,152 | 4,399 | 5,152 | 4,339 |
| Tuntutan perjalanan | 1,311 | - | - | - |
| Yuran akaun | - | 1,000 | - | 1,000 |
| Yuran audit | 9,500 | 11,400 | 3,500 | 3,200 |
| Yuran setiausaha syarikat | 3,140 | 4,440 | - | - |
| | 422,432 | 398,233 | 345,879 | 380,380 |

Penyata ini disediakan untuk tujuan kegunaan Pengurusan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada penyata kewangan berkamun yang diaudit.

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN
(Diperbadanan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2022**

**ROSDELIMA & CO. (AF 1563)
AKAUNTAN BERTAULIAH**

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

**LAPORAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | |
|--|---------|
| Maklumat Korporat | 61 |
| Laporan Ahli Jawatankuasa | 62 - 64 |
| Penyata Ahli Jawatankuasa | 65 |
| Laporan Juruaudit Bebas | 66 - 68 |
| Penyata Kedudukan Kewangan | 69 |
| Penyata Pendapatan Komprehensif | 70 |
| Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul | 71 |
| Penyata Aliran Tunai | 72 |
| Nota-nota Kepada Penyata Kewangan | 73 - 85 |

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN
(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

- Yang Dipertua** : YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Binti Mohd Janor
[Universiti Teknologi MARA (UiTM)]
- Naib Yang Dipertua** : YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom Bin Sairi
[Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)]
- Bendahari** : YBrs. Encik Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah
[Bank Simpanan Nasional (BSN)]
- Setiausaha Kehormat** : YBrs. Encik Mohammad Syazwan Bin Mohd
[Universiti Teknologi MARA (UiTM)]
- Ahli Jawatankuasa** : YBhg. Datuk Seri Amir Hamzah Bin Azizan
[Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)]

YBhg. Datuk Seri TPr. Hj. Mahadi Bin Che Ngah
[Dewan Bandaraya Kuala Lumpur]

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz
Mohammed
[Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)]

YBhg. Datuk Dr. Ahmad Parveez Bin Hj Ghulam Kadir
[Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)]

YBhg. Dato' Mohd Yazid Bin Sairi
[Majlis Perbandaran Selayang (MPS)]

YBrs. Encik Ahmad Faedzal Bin Md Ramli
[Institut Sukan Negara (ISN)]
- Pejabat Berdaftar** : 5-3F, Tingkat 3, Jalan Hentian 1C
Pusat Hentian Kajang, Off Jalan Reko
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
- Juruaudit** : Rosdelima & Co. (AF 1563)
No. 3-29, PV 128
Jalan Genting Klang
53300 Kuala Lumpur
- Bank Utama** : CIMB Bank Berhad

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN
(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

LAPORAN AHLI JAWATANKUASA – 31 DISEMBER 2022

Para Ahli Jawatankuasa dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dengan penyata kewangan Yayasan yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

TUJUAN

Aktiviti utama Yayasan adalah melaksanakan, membiayai dan memberi bantuan atau subsidi kepada kursus-kursus seminar, sebarang jenis Latihan dan aktiviti-aktiviti yang pelbagai rupa seperti mana yang diperlukan oleh kebanyakan ahli-ahli Yayasan bagi tujuan mempertingkatkan kemahiran dan pengkhususan dalam semua bidang pengurusan serta Latihan. Sekiranya tiada sebarang operasi perdagangan atau perniagaan pada tahun tersebut, para Ahli Jawatankuasa menganggap Yayasan sebagai tidak aktif.

Tiada sebarang perubahan yang penting dalam kegiatan Yayasan sepanjang tahun ini.

HASIL

| | RM |
|--------------------------------|----------------|
| Lebih bersih bagi tahun semasa | <u>188,051</u> |

Pada pendapat para Ahli Jawatankuasa, hasil kendalian Yayasan sepanjang tahun ini tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang bersifat material atau huar biasa.

SIMPANAN DAN PERUNTUKAN

Tiada apa-apa pemindahan yang material kepada atau daripada simpanan atau peruntukan kecuali seperti yang didekahkan dalam penyata kewangan.

AHLI JAWATANKUASA

Para Ahli Jawatankuasa yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir adalah:

| | |
|--|---------------------|
| YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Binti Mohd Janor | Yang Dipertua |
| YBhg. Datuk Dr. Mohd Nizom Bin Sairi | Naib Yang Dipertua |
| YBrs. Encik Jay Khairil Jeremy Bin Abdullah | Bendahari |
| YBrs. Encik Mohammad Syazwan Bin Mohd | Setiausaha Kehormat |
| YBhg. Datuk Seri Amir Hamzah Bin Azizan | Ahli Jawatankuasa |
| YBhg. Datuk Seri Hj. Mahadi Bin Che Ngah | Ahli Jawatankuasa |
| YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Bin Dato' Aziz Mohammed | Ahli Jawatankuasa |
| YBhg. Datuk Dr. Ahmad Parveez Bin Hj Ghulam Kadir | Ahli Jawatankuasa |
| YBhg. Dato' Mohd Yazid Bin Sairi | Ahli Jawatankuasa |
| YBrs. Encik Ahmad Faedzal Bin Md Ramli | Ahli Jawatankuasa |

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

LAPORAN AHLI JAWATANKUASA – 31 DISEMBER 2022

MANFAAT AHLI JAWATANKUASA

Sepanjang dan pada akhir tahun ini, tidak terdapat perkiraan yang mana Yayasan menjadi pihak, yang merupakan perkiraan dengan tujuan untuk membolarkan Ahli Jawatankuasa Yayasan memperoleh manfaat secara pemerolehan saham dalam, atau debentur, Yayasan atau mana-mana pertubuhan perbadanan lain.

Sejak tahun berakhir sebelumnya, tiada Ahli Jawatankuasa menerima atau berhak untuk menerima manfaat (selain manfaat yang termasuk dalam amaun agregat saraan yang diterima atau kena bayar dan boleh diterima oleh Ahli Jawatankuasa yang ditunjukkan dalam akaun atau gaji yang ditetapkan sebagai pekerja sepenuh masa Yayasan) disebabkan kontrak yang dibuat oleh Yayasan atau perbadanan yang berkaitan dengan Ahli Jawatankuasa atau dengan firma yang dia menjadi anggota, atau dengan sesuatu syarikat yang dalamnya Ahli Jawatankuasa mempunyai kepentingan kewangan yang substantial.

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sebelum penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan Yayasan disediakan, Ahli Jawatankuasa mengambil langkah-langkah yang munasabah:

- (a) untuk menentukan tindakan yang sewajarnya telah diambil berhubung dengan hutang lapuk yang dihapus kira dan peruntukan yang dibuat bagi hutang rugu, dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang rugu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa apa-apa aset semasa yang tidak berkemungkinan direalisasikan dalam perjalanan biasa urusan termasuk nilai aset semasa telah diturunkan kepada suatu amaun yang dijangkakan boleh direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, Ahli Jawatankuasa tidak menyedari tentang apa-apa hal keadaan:

- (a) yang menjadikan amaun yang dihapus kira bagi hutang lapuk atau amaun peruntukan bagi hutang rugu tidak mencukupi sehingga apa-apa takat yang substansial di dalam penyata kewangan Yayasan; atau
- (b) yang menjadikan nilai yang dikaitkan dengan aset semasa dalam penyata kewangan Yayasan mengelirukan; atau
- (c) yang timbul yang akan menjadikan pematuhan kaedah penilaian sedia ada bagi aset atau liabiliti Yayasan mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- (d) yang tidak diperkatakan selainnya dalam laporan ini atau penyata kewangan yang menjadikan apa-apa amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan Yayasan mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) apa-apa gadaian ke atas aset Yayasan yang wujud sejak akhir tahun ini yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau
- (b) apa-apa liabiliti luar jangka Yayasan yang wujud sejak akhir tahun ini.

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

LAPORAN AHLI JAWATANKUASA – 31 DISEMBER 2022

Tiada apa-apa liabiliti luar jangka atau liabiliti lain telah berkuat kuasa, atau berkemungkinan berkuat kuasa, dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat Ahli Jawatankuasa, akan atau boleh menjelaskan kemampuan Yayasan untuk memenuhi obligasinya apabila ia hendaklah dilaksanakan.

Pada pendapat Ahli Jawatankuasa, tiada butiran, transaksi atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa berkemungkinan menjelaskan sebahagian besar keputusan operasi Yayasan untuk tahun berikutnya.

SARAAN JURUAUDIT

Jumlah amaun yang dibayar kepada atau yang boleh diterima oleh juruaudit sebagai saraan bagi perkhidmatan mereka sebagai juruaudit Yayasan adalah seperti berikut:

| | 2022 |
|----------------|--------------|
| | RM |
| Audit berkanun | <u>3,500</u> |

JURUAUDIT

Juruaudit Tetuan Rosdelima & Co., telah menyatakan kesediaan mereka untuk dilantik.

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

PENYATA AHLI JAWATANKUASA

Kami, PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH BINTI MOHD JANOR, DATUK DR. MOHD NIZOM BIN SAIRI dan ENCIK JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH, tiga daripada Ahli Jawatankuasa **YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN** dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Ahli Jawatankuasa, penyata kewangan yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam dana terkumpul dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan ringakasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, telah disediakan menurut kehendak Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa, dan keperluan Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani mengikut resolusi para Ahli Jawatankuasa.

PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH BINTI MOHD JANOR
Yang Dipertua

DATUK DR. MOHD NIZOM BIN SAIRI
Naib Yang Dipertua

ENCIK JAY KHAIRIL JEREMY BIN ABDULLAH
Bendahari

Kuala Lumpur
Tarikh: **08 JUN 2023**

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN** yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2022, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun yang telah berakhir, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting, yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 23.

Pada pendapat kami, penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan pada 31 Disember 2022 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ('MFRS') dan keperluan Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia yang diluluskan di Malaysia.

Asas Bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami berdasarkan Piawaian Audit yang diluluskan di Malaysia. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam bahagian "Tanggungjawab juruaudit untuk pengauditan penyata kewangan" dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Yang Lain

Kami adalah bebas daripada Yayasan menurut Undang-Undang Kecil (berkenaan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ('Undang-Undang Kecil') dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional bagi Akauntan ('Kod IESBA'), dan kami telah memenuhi tanggungjawab beretika yang lain menurut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Yang Berkaitan

Para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab terhadap maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Pengarah, yang mana telah kami terima sebelum tarikh laporan juruaudit bebas, dan Laporan Tahunan 2022, yang mana telah dijangka diterima oleh kami selepas tarikh tersebut. Maklumat yang lain tidak termasuk penyata kewangan Yayasan serta laporan juruaudit kami yang berkaitan.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Yayasan tidak meliputi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan keatas kesimpulannya.

Sehubungan dengan audit kami ke atas penyata kewangan Yayasan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan dengan itu mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu adalah tidak selaras dengan penyata kewangan Yayasan atau dengan pengetahuan yang kami perolehi daripada audit atau sebaliknya ianya muncul sebagai salah nyata yang ketara.

Sekiranya berdasarkan kerja-kerja yang telah kami laksanakan ke atas maklumat yang lain yang telah kami terima sebelum tarikh laporan juruaudit bebas ini, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara bagi maklumat yang lain tersebut. Sehubungan dengan hal ini, kami tidak mempunyai sebarang laporan.

Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Jawatankuasa Yayasan adalah bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama berdasarkan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ('MFRS') dan keperluan Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia yang diluluskan di Malaysia. Ahli Jawatankuasa juga bertanggungjawab ke atas kawalan dalaman di mana Ahli Jawatankuasa menentukan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Yayasan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Yayasan, para Ahli Jawatankuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Yayasan untuk kekal beroperasi secara berterusan, mendedahkan, yang mana berkenan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan berkaitan menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain daripada berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan Yayasan secara keseluruhannya adalah bebas daripada kesalahan nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan peringkat tinggi, namun bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia akan sentiasa mengesan kesalahan nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau agregat, mereka semunasabahnya dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia, kami menggunakan pertimbangan professional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko kesalahan nyata yang ketara dalam penyata kewangan Yayasan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulitan, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau mengatas kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Yayasan.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Jawatankuasa.

Tanggungjawab Juruaudit (sambungan)

Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Yayasan sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Yayasan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin boleh menyebabkan Yayasan menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

- Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Yayasan secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Yayasan mewakili urus niaga asas dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Ahli Jawatankuasa mengenai, antara lain, skop dan tempoh audit yang dirancang dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang telah dikenal pasti semasa pengauditan kami.

Lain-lain Perkara

Laporan ini dibuat semata-mata untuk ahli-ahli Yayasan, sebagai sebuah badan, selaras dengan Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia yang diluluskan di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.



ROSDELIMA & CO
AF 1563
Akauntan Bertauliah



ROSDELIMA BINTI MOHD ALI JAAFAR
2593/01/2025 (J)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
Tarikh: 08 JUN 2023

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2022**

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|------------------------------------|------|------------------|------------------|
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 5 | 115,221 | 110,569 |
| Aset cukai tertunda | 6 | 31,450 | 31,450 |
| Jumlah aset bukan semasa | | <u>146,671</u> | <u>142,019</u> |
| ASET SEMASA | | | |
| Penghutang dan pelbagai penghutang | 7 | 1,097,989 | 930,770 |
| Simpanan tetap | 8 | 1,127,591 | 1,283,144 |
| Baki bank | 9 | 585,229 | 552,061 |
| Jumlah aset semasa | | <u>2,810,809</u> | <u>2,765,975</u> |
| JUMLAH ASET | | <u>2,957,480</u> | <u>2,907,994</u> |
| DANA DAN LIABILITI | | | |
| Dana terkumpul | | <u>2,943,980</u> | <u>2,755,929</u> |
| Jumlah dana | | <u>2,943,980</u> | <u>2,755,929</u> |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai pembiutan dan terakru | 10 | 3,500 | 126,400 |
| Peruntukan cukai | | <u>10,000</u> | <u>25,665</u> |
| Jumlah liabiliti semasa | | <u>13,500</u> | <u>152,065</u> |
| Jumlah liabiliti | | <u>13,500</u> | <u>152,065</u> |
| JUMLAH DANA DAN LIABILITI | | <u>2,957,480</u> | <u>2,907,994</u> |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|--------------------------------------|------|--------------------|----------------|
| Pendapatan | 11 | 2,234,159 | - |
| Kos perkhidmatan | | <u>(1,931,851)</u> | - |
| Lebihan kasar | | 302,308 | - |
| Pendapatan lain | | 58,245 | 38,830 |
| Perbelanjaan pentadbiran dan operasi | | <u>(163,176)</u> | <u>(9,812)</u> |
| Lebihan bersih sebelum cukai | 12 | 197,377 | 29,018 |
| Perbelanjaan cukai | 13 | <u>(9,326)</u> | <u>(906)</u> |
| Lebihan bersih bagi tahun semasa | | <u>188,051</u> | <u>28,112</u> |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

| | Dana terkumpul RM | Jumlah RM |
|--|-------------------------|------------------|
| Pada 1 Januari 2021 | 2,727,817 | 2,727,817 |
| Lebihan bersih bagi tahun | <u>28,112</u> | <u>28,112</u> |
| Pada 31 Disember 2021 / 1 Januari 2022 | 2,755,929 | 2,755,929 |
| Lebihan bersih bagi tahun | <u>188,051</u> | <u>188,051</u> |
| Pada 31 Disember 2022 | <u>2,943,980</u> | <u>2,943,980</u> |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN
(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

| | Nota | 2022 RM | 2021 RM |
|--|------|------------|------------|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | | |
| Lebihan bersih sebelum cukai | 12 | 197,377 | 29,018 |
| Pelarasan untuk: | | | |
| Belanja susumilai harta tanah, loji dan peralatan | | 7,565 | 4,351 |
| Lebihan daripada operasi sebelum perubahan modal kerja | | 204,942 | 33,369 |
| Penambahan dan pengurangan dalam: | | | |
| Penghutang dan pelbagai penghutang | | (167,219) | (105,577) |
| Pelbagai pembiutang dan terakru | | (122,900) | (223) |
| Tunai bersih digunakan dalam kegiatan kendalian | | (85,177) | (72,431) |
| Cukai dibayar | | (24,991) | (17,290) |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi | | (110,168) | (89,721) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | | |
| Pembelian harta tanah, loji dan peralatan | | (12,217) | - |
| Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan | | (12,217) | - |
| Kurangan bersih dalam tunai dana kesetaraan tunai | | (122,385) | (89,721) |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | | 1,835,205 | 1,924,926 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun | | 1,712,820 | 1,835,205 |
| Analisis tunai dan kesetaraan tunai: | | | |
| Simpanan tetap | 8 | 1,127,591 | 1,283,144 |
| Baki bank | 9 | 585,229 | 552,061 |
| | | 1,712,820 | 1,835,205 |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

1 MAKLUMAT AM

Yayasan adalah sebuah pertubuhan awam yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Pejabat berdaftar beralamat 5-3F, Tingkat 3, Jalan Hentian 1C, Pusat Hentian Kajang, Off Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Aktiviti utama Yayasan adalah melaksanakan, membiayai dan memberi bantuan atau subsidi kepada kursus-kursus seminar, sebarang jenis Latihan dan aktiviti-aktiviti yang pelbagai rupa seperti mana yang diperlukan oleh kebanyakan ahli-ahli Yayasan bagi tujuan mempertingkatkan kemahiran dan pengkhususan dalam semua bidang pengurusan serta Latihan. Sekiranya tiada sebarang operasi perdagangan atau perniagaan pada tahun tersebut, para Ahli Jawatankuasa menganggap Yayasan sebagai tidak aktif.

Tiada sebarang perubahan yang penting dalam kegiatan Yayasan sepanjang tahun ini.

Penyata kewangan Yayasan dibentangkan dalam matawang fungsian, yang mana merupakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi. Matawang fungsian Yayasan adalah Ringgit Malaysia di mana jualan dan pembelian terutamanya didominasi dalam Ringgit Malaysia dan perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam Ringgit Malaysia dan dana daripada aktiviti pembiayaan dijana dalam Ringgit Malaysia.

2 ASAS PENYEDIAAN

2.1 Penyata pematuhan

Penyata Kewangan Yayasan telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (“MFRS”) yang mematuhi Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (“IFRS”) dan peruntukan Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia yang diluluskan di Malaysia.

(a) Piawaian dan pindaan yang berkesan dan diterima pakai pada tahun kewangan

- Pindaan kepada MFRS 1, *Penggunaan MFRS Kali Pertama (Penambahbaikan tahunan kepada MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada MFRS 3, *Gabungan Perniagaan (Rujukan kepada Rangka Kerja Konseptual)*
- Pindaan kepada MFRS 9, *Instrumen Kewangan (Penambahbaikan tahunan kepada MFRS 2018-2020)*
- Pindaan kepada MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan (Hasil sebelum Penggunaan Yang Diinginkan)*
- Pindaan kepada MFRS 137, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka (Kontrak Membebankan - Kos Memenuhi Kontrak)*
- Pindaan kepada MFRS 141, *Pertanian (Penambahbaikan kepada MFRS 2018-2020)*

Penggunaan piawaian dan pindaan di atas tidak mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Yayasan.

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

(b) Piawaian dan pindaan yang telah dikeluarkan tetapi masih belum berkesan

Berkuatkuasa untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

- Pindaan kepada MFRS 17, *Kontrak Insurans – Penggunaan awal MFRS 17 dan MFRS 9 – Maklumat Perbandingan*.
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan - Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa dan Pendedahan Dasar Perakaunan*.
- Pindaan kepada MFRS 108, *Dasar Perakaunan - Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Ralat (Takrifan Anggaran Perakaunan)*.
- Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Pendapatan - Cukai Tertunda Berkaitan dengan Aset dan Liabiliti Yang Timbul daripada Satu Transaksi*.

Berkuatkuasa untuk tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024

- Pindaan kepada MFRS 16, *Pajakan - Liabiliti Pajakan dalam Jualan dan Pajakan Balik*.
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan - Liabiliti Bukan Semasa dengan Perjanjian*.

Tarikh kuat kuasa telah ditangguhkan ke tarikh yang akan ditentukan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia

- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128, *Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Rakan Bersekutu atau Usahasamanya*.

Perolehan di atas dijangka tidak mempunyai sebarang kesan ke atas penyata kewangan Yayasan.

2.2 Asas pengukuran

Penyata kewangan Yayasan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam ringkasan dasar-dasar penting perakaunan.

2.3 Penggunaan anggaran dan pernilaian

Penyediaan penyata kewangan yang sesuai dengan MFRS menghendaki para Ahli Jawatankuasa membuat anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset, liabiliti, hasil, dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan aset luar jangka dan liabiliti luar jangka.

Sebagai tambahan, para Ahli Jawatankuasa juga perlu melaksanakan penilaian mereka dalam proses menerapkan dasar-dasar perakaunan. Bidang yang melibatkan penilaian, anggaran dan anggapan tersebut dinyatakan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan pengetahuan terbaik para Ahli Jawatankuasa tentang peristiwa dan tindakan, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Anggaran dan andaian asas dikaji secara berterusan. Semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak semula dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terjejas.

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

3 DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kos sesuatu item hartaanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang berkaitan dengan item tersebut akan mengalir kepada Yayasan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Selepas pengiktirafan sebagai aset, item hartaanah, loji dan peralatan diukur pada kos ditolak sebarang susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, kecuali tanah dan bangunan pegangan bebas.

Susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskira amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat bergunanya, seperti berikut:

| | % |
|--------------------|----------|
| Bangunan | 2 |
| Peralatan komputer | 20 |
| Peralatan pejabat | 10 |

Susutnilai sesuatu aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Nilai sisa dan hayat berguna aset, jika ketara, dikaji semula pada setiap tarikh pelaporan. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartaanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

3.2 ROSOT NILAI ASET SELAIN ASET KEWANGAN

Pada setiap tarikh pelaporan, Yayasan menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai. Jika mana-mana petanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai tetapi ia tidak dapat mengganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, Yayasan akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penjanaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskauan sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosotnilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai bagi unit penjanaan tunai adalah diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit penjanaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain unit pro-rata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai.

Kerugian rosotnilai aset diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai pengurangan penilaian semula.

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

Kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosotnilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai peningkatan penilaian semula.

3.3 ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Yayasan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urus niaga, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urus niaga pembiayaan bagi pihak bertimbang kepada pengaturan.

3.4 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit bank jangka pendek dan lain-lain pelaburan jangka pendek, sangat cair yang mempunyai tempoh matang pendek tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan, bersih daripada overdraf bank.

3.5 LIABILITI DAN EKUITI

i) Klasifikasi Liabiliti Dan Ekuiti

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti dikelaskan mengikut isi kandungan perjanjian kontrak, bukan semata-mata bentuk undang-undangnya, dan mengikut takrifan liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

ii) Instrumen Ekuiti

Yayasan kemudiannya mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Di mana pengurusan Yayasan telah memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama ke atas pelaburan ekuiti dalam Pendapatan Komprehensif Lain, tiada pengelasan semula seterusnya keuntungan dan kerugian nilai saksama kepada untung atau rugi berikutan penyahiktirafan pelaburan tersebut. Dividen daripada pelaburan tersebut terus diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan operasi lain apabila hak Yayasan untuk menerima pembayaran telah ditetapkan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan di Nilai Saksama Melalui Untung Rugi diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain dalam penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain.

3.6 LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Yayasan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

YAYASAN AMANAH LATIHAN BERKANUN

(Diperbadankan di bawah Undang-undang Kecil Persatuan Badan Berkanun Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

